

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 28hb. Mei, 1996.**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KELAS PRASEKOLAH DUA CORAK - LANGKAH MENGATASI**

**1. Puan Hajah Zaleha binti Husin [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menjelaskan perkembangan kelas-kelas prasekolah yang telah dijalankan di sekolah-sekolah terpilih pada tahun 1995 yang lalu. Apakah Kerajaan sedar bahawa dalam pelaksanaan ini anak-anak setempat telah menerima dua corak pendidikan prasekolah, satu di sekolah kerajaan dan yang satu lagi di kelas yang dikelolakan oleh KEMAS. Adakah Kementerian bercadang untuk berunding dengan Kementerian Luar Bandar supaya kanak-kanak setempat hanya menerima satu corak pendidikan prasekolah sahaja.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mengendalikan sebanyak 1,131 kelas prasekolah di sekolah rendah dan maktab perguruan di seluruh negara sejak tahun 1992. Pada tahun 1995 terdapat seramai 25,399 kanak-kanak yang berumur 5 tahun dan lebih telah mengikuti kelas prasekolah Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan memang menyedari tentang terdapatnya prasekolah yang dijalankan oleh agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara. Oleh yang demikian, suatu jawatankuasa antara agensi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Penyelarasan Program Pendidikan Prasekolah yang dianggotai oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan telah diwujudkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan kurikulum, latihan dan kemudahan kelas prasekolah. Kementerian Pendidikan diberi tanggungjawab sebagai penyelaras utama dari segi perancangan dan pelaksanaan pendidikan prasekolah.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kerajaan berhasrat untuk memperkembangkan kelas-kelas prasekolah, adakah Kementerian bercadang untuk memberikan kursus latihan khas kepada guru-guru dan bagaimanakah status jawatan guru-guru yang berkenaan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Peretua, memanglah selama ini pun kita ada memberikan latihan-latihan kepada guru-guru kelas tadika yang ada. Cuma bagaimana kedudukan taraf guru-guru tersebut belum lagi diberikan pertimbangan kerana mereka diuruskan oleh

kementerian-kementerian yang berkenaan di mana ada juga kemudahan-kemudahan diberikan kepada guru-guru tersebut.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa di samping kelas-kelas di bawah Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain, ada badan-badan politik ataupun badan-badan tertentu yang menganjurkan kelas yang sama untuk murid prasekolah dan kurikulum mereka itu bercanggah dengan hasrat perpaduan negara dan kalau kementerian sedar, apakah langkah yang akan diambil terutamanya usaha-usaha mereka itu didapati memasukkan unsur-unsur menentang kerajaan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum, di bawah Akta Pendidikan yang baru, kelas-kelas prasekolah ini sekarang dimasukkan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara dan di bawah fasal-fasal yang tertentu di dalam akta tersebut, pihak Kementerian Pendidikan diberikan kuasa-kuasa yang tertentu untuk mengawasi perjalanan kelas-kelas tersebut dan pada umumnya, semua kelas prasekolah menggunakan garis panduan kurikulum pendidikan prasekolah Malaysia.

Tetapi sebagaimana kita sedia maklum, ada satu golongan yang menjalankan kegiatan prasekolah tetapi menerapkan unsur-unsur yang merugikan anak-anak itu sendiri dan insya-Allah melalui kuasa-kuasa yang

diberikan oleh Akta Pendidikan yang baru itu, kita telah pun meneliti akan perjalanan kelas-kelas prasekolah sedemikian dan sekiranya ada unsur-unsur yang membolehkan kita mengambil tindakan-tindakan melalui kuasa undang-undang tersebut itu, maka kita akan menggunakan undang-undang itu untuk berbuat demikian.

### **KEMUDAHAN SOSIAL PROJEK PERUMAHAN - PENYEDIAAN**

**2. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan sedar kebanyakan projek perumahan tidak mempunyai perpustakaan awam, tabika, balai raya, padang rekreasi dan tempat penyempurnaan mayat. Adakah kerajaan mewajibkan semua kemudahan ini dalam semua projek perumahan supaya boleh mengurangkan masalah sosial melibatkan golongan remaja.

#### **Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan yang di-Pertua, Kerajaan memang mewajibkan pemaju bagi sesuatu projek perumahan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan sosial bagi sesuatu kawasan. Ini disyaratkan semasa pemaju membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan pemecahan sempadan.

Walau bagaimanapun, jenis-jenis kemudahan yang perlu disediakan itu adalah bergantung kepada saiz pembangunan serta bilangan penduduk yang akan menghuni kawasan pembangunan yang dicadangkan itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sekiranya kerajaan bercadang hendak mensyaratkan supaya pemaju-pemaju perumahan ini mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut, bagaimanakah cara kerajaan hendak memastikan supaya kos untuk memajukan kemudahan-kemudahan itu tidak dikenakan kepada pembeli-pembeli?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa syarat-syarat ini bergantung kepada saiz pembangunan. Kalau misalnya kawasan perumahan yang dibangunkan hanya 10 ekar, maka sudah tentulah tidak dapat kerajaan mensyaratkan semua yang diminta oleh Yang Berhormat Senator M. G. Pandithan tadi tetapi kalau saiz pembangunan ini misalnya 500 ekar, maka sudah tentulah kerajaan akan mensyaratkan supaya ada kawasan rekreasi, ada dewan dan mungkin ada pusat membeli-belah dan sebagainya untuk memberi kemudahan kepada penghuni-penghuni yang akan mendiami kawasan pembangunan yang berkenaan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pandithan sendiri berkenaan soalan ini iaitu bagaimanakah tempat penyempurnaan mayat boleh mengurangkan masalah sosial golongan remaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya rasa kita tak boleh bertanya kepada orang yang bertanya. *[Ketawa]* Kalau nak tanya kepada Dato' Timbalan Menteri itu, boleh. Tetapi Dato' Timbalan Menteri hendak jawabkah?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Bolehlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, boleh, sila.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi kawasan-kawasan pembangunan terutama sekali kalau flat kos murah dan sebagainya, kerajaan memang mengadakan misalnya sebuah dewan kecil serba guna yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

#### LAPANGAN TERBANG GONG KEDAK - PEMBINAAN

**3. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perkembangan/kemajuan pembinaan Lapangan Terbang Gong Kedak di antara Kelantan dan Terengganu:

- (a) berapa banyak bangunan-bangunan dan lain-lain infrastruktur yang telah dibina dan berapa banyakkah jumlahnya; dan
- (b) berapa banyak lagi projek-projek yang akan dilaksanakan di sana. Sebutkan jenis-jenisnya dan nilainya.

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 56 buah bangunan dan lain-lain infrastruktur yang bernilai RM72.45 juta sedang dibina sekarang di pangkalan TUDM Gong Kedak. Projek-projek lain yang akan

dilaksanakan ialah mes sarjan, mes pegawai dan rumah kediaman pegawai dengan kos sebanyak RM7.25 juta.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang pembinaan lapangan terbang yang boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pertahanan, adakah pihak kerajaan sedar bahawa di negara-negara yang mungkin wujudnya satu ancaman, kerajaan akan menggunakan lebuh-lebuh raya yang strategik sebagai kegunaan lapangan terbang untuk kegunaan pihak pertahanan. Adakah pihak kerajaan di Malaysia ini bercadang untuk menggunakan tempat-tempat ataupun ruang-ruang strategik lebuh raya di negara kita ini supaya ianya boleh menampung keperluan pertahanan di masa-masa darurat dan kecemasan di mana kapal terbang kita boleh menggunakannya dan ianya tidak merupakan sasaran kepada musuh-musuh daripada luar.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Walaupun dilihat dari segi kegunaan dan keperluannya memang ada sebab yang memungkinkan untuk ditukar atau diubah guna lebuh raya ke lapangan terbang dalam masa ancaman dan kecemasan. Buat masa ini kerajaan tidak mempunyai apa-apa program untuk mengadakan 'dual used' ataupun kegunaan jalan raya dan kegunaan untuk landasan kapal terbang semasa ancaman ataupun peperangan. Mungkin di masa akan datang kita akan memikirkannya, tetapi telah difikirkan.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh masalah bangunan-bangunan dan infrastruktur tentera, berapa peratuskah kemudahan-kemudahan yang telah dilaksanakan kepada tentera bagi bangunan-bangunan di seluruh negara. Maksud saya ialah perumahan untuk semua perajurit di seluruh negara, berapa peratuskah yang telah dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk rumah angkatan tentera, 60% sudah dilaksanakan dan kita berharap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh keseluruhannya akan dapat diselesaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Frankie Chong Yu Chee.

**Datuk Johan O.T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

**MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KEBUDAYAAN DAN  
KESENIAN DI ASIA - RANCANGAN**

4. **Datuk Johan O.T. Ghani [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kebudayaan dan kesenian di rantau Asia, jika ya, apakah perancangannya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai Pusat Kebudayaan di rantau Asia di suatu masa akan datang.

Di antara langkah-langkah ke arah mencapai hasrat ini antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan prasarana bagi persembahan melalui pembinaan Panggung Negara dan bagi pengembangan seni tampak melalui pembinaan Balai Seni Lukis Negara, kedua-duanya di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur;
- (ii) mengadakan projek Akademi Seni bagi melatih penggiat-penggiat seni untuk mengisi keperluan tenaga manusia untuk kegiatan-kegiatan kebudayaan dan kesenian yang semakin meluas;
- (iii) mengadakan Festival Kesenian misalnya K.L. Arts Festival tahun 1996 dan seterusnya mengadakan satu lagi festival kesenian yang lebih besar dalam tahun 1998 sempena Sukan Komanwel di Kuala Lumpur;
- (iv) mengadakan Pusat Kebudayaan yang akan menjadi nadi rujukan hal-hal kebudayaan masyarakat setempat dan penggiat-penggiat dari negeri;
- (v) mengembang program kebudayaan dan kesenian ke seluruh negara dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Untuk itu, setiap negeri akan mempunyai sebuah Taman Budaya yang merupakan pusat kegiatan-kegiatan persembahan acara-acara kebudayaan dan kesenian setempat; dan
- (vi) kerajaan akan menggiatkan lagi program pertukaran kebudayaan dengan lebih banyak negara di dunia. Kini terdapat perjanjian kebudayaan dengan 32 buah negara lain. Langkah ini akan menjadikan negara sebagai tumpuan persembahan-persembahan kebudayaan dan kesenian pelbagai bangsa dari seluruh pelusuk dunia.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah masyarakat berbudaya iaitu amalan hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini dijadikan sebahagian daripada program industri pelancongan di Malaysia ini. Sekiranya ada, apakah program-program yang telah diatur?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab soalan tadi ialah kerajaan ada mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kebudayaan di dalam masyarakat negara kita dan langkah-langkah tersebut sepertimana saya sebutkan tadi bagi membina taman budaya di setiap negeri. Kita sudah ada taman budaya yang pertama di Kedah dan kita akan ada di Perak, di Pahang dan di lain-lain negeri.

Melalui langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui kementerian saya, kerajaan harap boleh meningkatkan masyarakat kita dalam mengamalkan budaya yang bermutu di masa akan datang.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan sedar tentang kesan-kesan yang negatif terhadap rancangan yang dijalankan oleh kerajaan dahulu?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak berapa faham dengan kesan-kesan negatif yang dimaksudkan itu. Setakat ini saya tak nampak ada apa-apa kesan negatif, kalau perancangan yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita boleh dikatakan amat bangga dengan kesan-kesan yang positif yang kita ada hari ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan dapat menentukan bahawa pengaruh-pengaruh daripada budaya yang tidak sihat itu dapat mengganggu generasi kita yang akan datang supaya ianya tidak bercanggah dengan matlamat perpaduan dan Wawasan 2020, dan apakah bentuk kebudayaan yang pada fikiran kementerian sesuai dengan perkembangan di Malaysia ini, kerana kita hendak jadikan Malaysia ini sebagai pusat kebudayaan rantau Asia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang soalan.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Sungguh panjang. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, barangkali jawapan ini, soalan pun amat luas. Ia pergi kepada kumpulan belia dan murid-murid di sekolah, dari prasekolah sampai ke belia-belia.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya rasa kalau matlamat kerajaan hendak jadikan Malaysia sebagai pusat kebudayaan dan kesenian Asian, maka kementerian sudah mampu menjawab soalan yang begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, saya rasa Yang Berhormat, saya harap kementerian pun cuba menjawab.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, susah hendak jawab, kerana panjang. Kalau hendak cerita sungguh panjang. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana jawapan itu jangan berbentuk pandangan.

#### **EKSPORT - PERATUS SYARIKAT**

5. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai perkara-perkara di bawah:-

- (a) adalah amat membanggakan rakyat negara ini kerana banyak barang buatan Malaysia dijual di luar negeri. Berapa peratuskah syarikat pengeksport barang-barang ke luar negeri; dan
- (b) berapa banyakkah modal yang dikeluarkan oleh pemodal-pemodal asing yang membina industri di Malaysia. Berapakah jumlah modal yang disertai oleh syarikat tempatan dan berapa peratuskah modal tempatan itu daripada syarikat bumiputera.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato'**

**Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya tidak ada sebarang sekatan bagi syarikat bumiputera untuk mengeksport mahupun merebut apa-apa peluang perdagangan di luar negara. Apa yang penting ialah syarikat pengeksport bumiputera tersebut mempunyai barangan yang menepati kualiti yang sesuai untuk dipasarkan ke luar negara. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), dengan izin, sebagai badan penggalak eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia sentiasa membantu syarikat bumiputera yang ingin mengeksport barangan mereka. Pada masa ini terdapat 280 syarikat bumiputera yang berdaftar dengan MATRADE iaitu 18.8% daripada jumlah 1,486 syarikat yang berdaftar. Syarikat-syarikat bumiputera tersebut adalah aktif dalam menyertai program-program yang dianjurkan oleh MATRADE seperti menyertai misi galakan perdagangan, pameran perdagangan dan Minggu Malaysia di luar negara.
- (b) Sepanjang tahun 1995, MITI telah meluluskan 655 projek yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM9,143.6 juta. Bagi tempoh yang sama, MITI telah meluluskan 646 projek yang melibatkan pelaburan oleh syarikat

tempatan berjumlah RM14,468.8 juta. Di sini, syarikat-syarikat tempatan ditakrifkan sebagai syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Daripada jumlah pelaburan oleh syarikat tempatan tersebut, sebanyak 21.4% atau RM3,098.0 juta adalah pelaburan oleh syarikat-syarikat bumiputera iaitu syarikat-syarikat yang ekuitinya dimiliki oleh bumiputera sebanyak 51% dan ke atas.

#### PEMANDU LORI - HUKUMAN

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian dapat mengkaji hukuman yang setimpal yang patut dikenakan kepada pemandu-pemandu dan tuan punya lori yang selalu meletakkan lori-lori mereka di tepi lebuhraya sewenang-wenangnya menyebabkan banyak berlaku kemalangan menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan-kecederaan lain. Tanda-tanda keselamatan yang terperinci untuk lori-lori tersebut perlu dikuatkuasakan, tanda-tanda tersebut munasabah dan dapat dilihat dari jarak yang jauh.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini menurut peruntukan undang-undang di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 meletakkan lori di tepi jalan atau di lebuhraya adalah menjadi kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan. Hukuman ini adalah dianggap setimpal dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Dalam pada itu, sesebuah lori adalah disyaratkan dicat di bahagian belakang dengan tanda ataupun jalur berwarna merah dan kuning atau merah dan putih supaya lori tersebut senang dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain. Walau bagaimanapun, meletak lori di lebuhraya hanya dibenarkan dalam keadaan kecemasan, contohnya berlaku kerosakan, tetapi ianya masih perlu mematuhi peraturan-peraturan keselamatan. Jika sesebuah lori berkenaan mengalami kerosakan dan terpaksa diletakkan di tepi jalan, maka pemandu lori tersebut disyaratkan meletakkan tanda amaran tiga segi sejauh tidak kurang daripada 50 meter dari belakang lori berkenaan.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya lori-lori dibenarkan letak di tepi jalan bila ada hal kecemasan. Tetapi kadangkala pemandu lori itu meletak lorinya di tepi jalan bukan kerana ada kerosakan pada lorinya. Memang pemandu itu hendak tidur. *[Ketawa]* Boleh buka, taruh daun di depan dan belakang lori itu menunjukkan tanda keselamatan tetapi kemalangan akan berlaku. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, memang pihak berkuasa seperti JPJ menyedari bahawa perkara begitu berlaku. JPJ sentiasa mengadakan pasukan rondaan di lebuhraya sama ada di Lebuhraya Utara-Selatan ataupun

lebu raya barat dan lain-lain. Walau bagaimanapun, memang menjadi satu perkara yang amat sukar bagi pegawai-pegawai JPJ supaya dapat meronda setiap tempat pada setiap masa. Walau bagaimanapun, di sepanjang jalan lebu raya mesti mempunyai tempat-tempat rehat supaya lori-lori ataupun kenderaan komersil dapat berhenti untuk berehat dan lain-lain.

**Datuk Johan O.T. Ghani:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab meletakkan lori ataupun kereta di tepi jalan adalah menjadi satu kesalahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, setakat ini berapa banyakkah lori-lori ini yang meletakkan lori di tepi jalan ini telah didenda sebanyak RM1,000 yang saya difahamkan. Berapakah pemandu telah pun dipenjarakan setakat ini di seluruh negara?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini melibatkan perangkaan, maka saya minta notis.

**Tuan Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan JPJ akan mengambil tindakan terhadap lori-lori yang berhenti di tepi jalan. Apa yang sebenarnya berlaku apabila JPJ membuat pemeriksaan, banyak lori berhenti di sepanjang jalan itu. Apakah tindakan boleh diambil terhadap mereka? Itu yang sebenar berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia, itu soalan daripada Tuan Ng Hoi Choo. Silakan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar, ada kadangkala saya juga dapat melihat banyak buah lori ataupun kenderaan berat komersil yang sengaja berhenti di tepi jalan, kemungkinan untuk mengelakkan pemeriksaan atau sebab-sebab lain. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, jika memang mereka berhenti di tepi jalan tanpa sebarang sebab ataupun bukan oleh kerana keadaan kecemasan, maka pegawai JPJ berhak untuk menyaman mereka. Tetapi kadangkala nasib mereka baik sedikit oleh kerana tidak terdapat pegawai JPJ yang berada berdekatan, maka mereka dapat melarikan diri.

**Tuan Ibrahim bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada kaitan dengan apa yang dicakapkan tadi mengenai kenderaan berhenti di tepi

jalan. Saya ingin membuat sedikit soalan, kenapakah apabila ada sekatan jalan raya, khasnya dilakukan oleh JPJ, tidakkah kerajaan bercadang, oleh kerana sekatan sudah ada, satu rondaan pula dibuat. Jadi, apabila itu ada, mungkin tidak timbul kenderaan berhenti di tepi jalan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini dalam bentuk pandangan dan ia satu pandangan yang baik dan saya akan mengambil tindakan ke arah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan pun penuh pandangan juga.

#### **PROTON TERPAKAI - RATIONAL HAK ISTIMEWA PENJUALAN**

7. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah 'rational' Kementerian Perusahaan Awam dalam pengumuman berkenaan hak istimewa penjualan kereta Proton terpakai.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Perniagaan Francais, sebuah syarikat induk yang kukuh akan melantik syarikat lain bagi menjual barangan ataupun perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan. Pendekatan perniagaan ini didapati berjaya dan kadar kegagalannya adalah begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak EON telah pun mempunyai dua skim francais. Satu untuk menjual kereta baru, yang keduanya ialah untuk mengadakan wakil-wakil perkhidmatan ataupun pusat-pusat perkhidmatan (service centre). Kedua-dua pendekatan francais ini sedang berjalan dengan baik dan telah berjaya. Sebagai sebuah syarikat perniagaan, maka EON

sentiasa melihat kepada peluang-peluang yang baru untuk berniaga dan mendapat keuntungan. Selaras dengan itu, maka EON telah mencadangkan agar ia dapat menerokai sistem francais bagi menjual kereta terpakai pula.

Perkara ini masih lagi dalam perancangan dan EON dijangka melancarkan skim francais, menjual kereta terpakai ini bermula tahun hadapan setelah beberapa persiapan dibuat untuk memastikan bahawa sistem francais ini berjaya menepati matlamatnya.

**Tuan Tan Swee Hueng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan langkah untuk memfrancaiskan - menjual kereta terpakai, bolehkah pada pendapat kementerian, ini menjadi satu monopoli? Dan harga kereta yang dibeli melalui francais itu akan direndahkan dan apa yang dijual boleh difikirkan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pihak EON akan melantik beberapa syarikat untuk menjalankan perniagaan francais ini dan beberapa syarat dan peraturan akan dikenakan. Soal monopoli tidak berbangkit kerana di negara kita, peluang untuk menjual kereta terpakai adalah terbuka luas kepada sesiapa jua. Walaupun EON terlibat dalam perkara ini ia bukan melaksanakan sendiri perusahaan ini, dengan itu akan ada beberapa pihak yang terlibat. Oleh hal yang demikian, tidak timbul monopoli. Selain daripada outlet yang dilantik oleh EON sebagai francais ini, pihak-pihak lain juga boleh berkecimpung dalam bidang ini, bukan sahaja untuk menjual kereta-kereta Proton, tetapi juga

kereta-kereta jenama ataupun jenis lain. Maka itu soal monopoli dan harga yang tinggi saya kira tidak berbangkit.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sedia maklum, bahawa kereta-kereta yang baharu terpakai - kereta-kereta Proton yang baru terpakai, termasuklah Perdana, Wira dan sebagainya, harganya adalah lebih tinggi daripada kereta baru. Adakah pihak francais yang ditubuhkan ini dapat memberi jaminan bahawa kereta terpakai itu harganya jauh lebih murah daripada kereta baru, seperti amalan yang tidak sihat berlaku pada hari ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya difahamkan bahawa antara sebab kenapa kereta Proton terpakai ini harganya lebih tinggi daripada kereta Proton yang baru adalah kerana senarai menunggu yang panjang sampai 3, 4 bulan. Saya difahamkan itulah sebab utamanya. Untuk memberi jaminan bahawa harga kereta terpakai ini lebih rendah daripada kereta baru, saya tidak dapat membuat jaminan tersebut bagi pihak EON kerana EON adalah sebuah syarikat swasta yang mengendalikan perniagaan mengikut caranya sendiri.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam urusan niaga francais Proton terpakai ini, saya difahamkan bahawa banyak jenis komisen telah diambil kira, walaupun bukan terbuka, tetapi under-table. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa pengguna atau penjual Proton terpakai itu memang dapat kerugian yang besar. Sebenarnya bukan harga yang dia jual itu, sebab komisen sudah diambil kira. Saya harap pihak kerajaan sedar tentang penyelewengan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa ini satu pandangan yang memberi sedikit rahsia agaknya. Pihak Menteri hendak jawab? Tidak payah. Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Zainal bin Md. Deros

### **ANTI-HADIS DAN SYIAH - SEKAT PENGARUH**

**8. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan kerajaan untuk menyekat pengaruh anti hadis dan Syiah yang mengancam kedamaian beragama di Malaysia dan jika belum, adakah kerajaan bercadang untuk menangkap dan memasukkan mereka ke pusat-pusat pemulihan aqidah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu antihadis dan pengaruh Syiah, kerajaan mengambil langkah secara berperingkat-peringkat iaitu penyelarasan fatwa mengenai isu berkenaan di semua negeri dan meneliti dengan terperinci sejauh manakah pengaruh kedua-dua fahaman tersebut menggugat kedamaian beragama di negara ini.

Jika cukup bukti, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka. Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menangkap mereka sebaliknya kemungkinan akan cuba untuk mengambil tindakan pemulihan. Dalam masa yang sama, usaha-usaha memberi penerangan kepada orang ramai supaya menjauh diri daripada ajaran dan pegangan tersebut terus dilaksanakan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan gerakan antihadis dan Syiah ini berleluasa, bahkan sekarang sudah pun menular ke dalam institusi pengajian tinggi negara, apakah pada kementerian, dengan usaha-usaha yang dibuat dengan masalah penyelarasan fatwa dan sebagainya, nampaknya keberkesanannya itu adalah tidak begitu efektif.

Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, apakah tidak ada cadangan bagi pihak kementerian untuk meminda Perlembagaan

Negara, iaitu meletakkan sebagai tambahan Ahli Sunnah wal-Jamaah di dalam Perkara 13, Perlembagaan Negara.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai anti-hadis dan Syiah, memang perkembangan kegiatan ini berlaku sejak masa Rasul dahulu. Apatah lagi setelah wafat Khalifah yang ketiga, Othman ibni Affan, perkara ini cukup menjadi bangkitan ketika itu. Jadi, melaratlah masalah ini hingga sekarang. Kalau kita perhatikan dibanyak negara luar masalah ini lebih teruk daripada Malaysia, bererti kita masih di dalam kawalan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil tindakan dan di antaranya, kita sekarang mengadakan pasukan petugas yang membuat kajian secara terperinci mengenai perkara ini. Insya-Allah, sekiranya, kita perlu menangkap mereka, kita akan tangkap sebab perkara ini di dalam negeri-negeri telah ada kuasa untuk mengenakan tindakan kepada mereka.

Mengenai pindaan Perlembagaan Malaysia, hendak memasukkan ahlul sunnah waljamaah di dalam Perlembagaan, ini memang ada cadangan daripada kita, insya-Allah kalau sampai masanya, perkara ini akan dikemukakan kepada kedua-dua Dewan ini untuk mendapatkan kelulusan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini kita membaca dalam akhbar bahawa pusat-pusat pengajian tinggi iaitu beberapa buah universiti telah terlibat dengan ajaran Syiah ini dan kita dapati bahawa pensyarah-pensyarah itu sendiri yang terlibat dalam mengembangkan ajaran Syiah dan pelajar-pelajar Malaysia yang kita

hantar sama ada melalui parti politik ataupun badan-badan tertentu ke negara-negara timur tengah seperti Iran dan sebagainya memang telah dipengaruhi oleh ajaran syiah. Jadi, apabila kerajaan tahu kedudukan ini, apakah tindakan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abu Bakar, cuba beri soalan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, apakah tindakan yang patut kerajaan sekat dari sekarang?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Memang ada orang yang terlibat dari instituit pengajian tinggi (IPT) mengikut ajaran Syiah. Kalau kita lihat di dalam akhbar hari ini, salah seorang itu telah berkahwin mutaah yang mana kahwin mutaah ini adalah merupakan kahwin kontrak tetapi apabila si perempuan mahu menyambung lagi kontrak yang lelaki tak mahu, ibarat 'kereta' gamaknya 'performance', dengan izin, kurang baik, dia tak mahu! [Ketawa] Jadi, ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 'performance' itu dalam Bahasa Melayunya apa agaknya?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Prestasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, prestasi. [Ketawa]

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Jadi, apabila ini berlaku sudah barang tentu ini akan menjadikan satu perkara yang akan memecahbelahkan di antara suami isteri.

Yang kedua, memang kita dibenarkan pengajian untuk memahami pegangan Syiah di universiti-universiti kerana kita mahu memberi penjelasan

pelajaran secara akademik kepada pelajar-pelajar, bagaimana cara Syiah melakukan dan bagaimana ahli sunnah wal jamaah. Kemudian kita boleh gambarkan mana yang salah. Kalau sekiranya kita tidak memberi pelajaran kepada pelajar-pelajar, sudah tentu pelajar-pelajar tidak tahu apa dia pengajian Syiah yang dikatakan salah itu. Sebab itu, kalau kita hendak tahu perkara yang salah, mesti kita belajar. Sebab itu, kita berikan ajaran kepada mereka, mengatakan perkara ini salah dan jangan buat.

Jadi, kalau ada sesiapa yang membawa ajaran sedemikian rupa, tak boleh diikuti kerana benda itu salah, sebab itu kita berikan pelajaran kepada mereka.

Tentang pelajar yang terlibat kepada luar negara, memang sepuluh tahun yang dahulu ada seorang ahli politik yang menghantar lebih kurang 30 pelajar ke negara Iran, di Qom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Qom?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ya, Q-o-m. Saya sebut dengan eja sekali, memang saya bimbang saya sebut tak tepat, saya berikan ejaannya. Memang mereka menghantar pelajar ini, mereka telah belajar ajaran Syiah, tetapi yang bagus nya, orang yang menghantar pelajar-pelajar pergi ke Iran ini dia keluar daripada parti yang asal, dia sekarang ini bukan parti yang menghantar lagi.

Jadi, pelajar-pelajar yang seramai 30 orang ini sekarang telah keluar dan belajar di universiti-universiti yang lain, tetapi maknanya kalau ada pun secara individu yang belajar di sana. Jadi, inilah kedudukan yang sebenarnya, tetapi

hakikatnya kerajaan memang tidak menghantar pelajar-pelajar di Iran kerana takut mereka menjadi pengikut-pengikut Syiah kerana pengikut-pengikut Syiah ini amat merbahaya kadangkala mereka mengikut Wahabi, kadangkala mereka mengikut Khawarij. Kalau mengikut Khawarij, dia mengata siapa yang menentang politik mereka dan perjuangan mereka, maka mereka itu adalah merupakan kafir.

Jadi, kalau ada parti yang menganggap siapa yang menentang politik mereka dan pegangan mereka sebagai kafir, maka orang ini telah mengikut Syiah dan juga mengikut Khawarij.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus prestasi Dato' Mat! *[Ketawa]*

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Saya minta Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi tarik balik cakupnya mengatakan performance macam 'motokar' tadi. Sila tarik balik. *[Ketawa]*  
*[Tepuk]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan rendah diri menarik balik. *[Ketawa]*

#### **“INSIDER TRADING” BURSA SAHAM - KEBERKESANAN PENCEGAHAN**

9. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan keberkesanan Undang-undang Syarikat

yang dapat memastikan pencegahan dan pengesahan kesalahan-kesalahan “insider trading” dan “stock price manipulation” dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal**

**Pengguna [Dato’ S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, Seksyen 132A, Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang itu melakukan urus niaga dalaman di dalam saham-saham yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Justeru itu seseorang yang didapati bersalah melakukan urus niaga dalaman di bawah peruntukan yang sama ini boleh didenda sehingga RM30,000 atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Peruntukan hukuman di dalam Akta Syarikat tidak terhad kepada pegawai dan kakitangan syarikat sahaja, tetapi termasuk juga agen syarikat seperti jurubank, peguam, juruaudit dan broker saham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan di dalam seksyen 89, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Pindaan 1993) yang mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap orang atau mereka yang melakukan urus niaga dalaman. Peruntukan seksyen ini mengenakan denda tidak kurang daripada RM1 juta atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun, atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Berdasarkan kepada hukuman-hukuman yang terdapat di dalam kedua-dua akta yang tersebut bagi kesalahan urus niaga dalaman, menunjukkan

bahawa kerajaan amat peka dan sensitif terhadap penjenayah kolar putih yang memberi implikasi terhadap keyakinan pelabur-pelabur, terutamanya pelabur-pelabur institusi terhadap pasaran sekuriti di negara ini.

Manipulasi harga saham di syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL mempunyai peruntukan undang-undang sendiri iaitu di dalam seksyen 85, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Pindaan 1993) yang ditadbirkan bersama oleh Pejabat Pendaftar Syarikat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Suruhanjaya Sekuriti. Peruntukan seksyen 85 akta ini mengenakan denda tidak kurang daripada RM1 juta atau penjara tidak melebihi dari 10 tahun, atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Pejabat Pendaftar Syarikat dan Suruhanjaya Sekuriti telah, sedang dan akan melaksanakan penyiasatan dan pengawasan terhadap jenayah dagang dalaman dan manipulasi harga saham ini dengan mengikut pergerakan harga saham dan aktiviti-aktiviti korporat yang berlaku di pasaran sekuriti negara ini. Setiap penyiasatan dan pengawasan biasanya dilaksanakan dengan teliti agar tidak menjejaskan suasana pasaran saham. Hasil penyiasatan dan pengawasan yang teliti ini, kita dapati pasaran saham di negara ini dapat berjalan dengan baik tanpa dilanda oleh apa-apa masalah yang besar.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan kerana saya berpendapat soalan saya tadi tidak dijawab iaitu mengenai keberkesanan undang-undang tersebut, boleh tolong nyatakan?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kita dapati bahawa undang-undang yang sedia ada dan hukuman-hukuman yang

terdapat dalam undang-undang adalah berkesan dan oleh kerana itu, saya sebut pada keseluruhannya kita dapati pasaran saham di BSKL dan di negara kita ini berjalan dengan baik. Itu bermakna bahawa undang-undang yang sedia ada dan penguatkuasaannya adalah berkesan.

**BURSA OPSYEN DAN KEWANGAN HADAPAN KUALA LUMPUR  
(KLOFFE) - PURATA KONTRAK DINIAGAKAN**

10. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) beroperasi pada penghujung tahun 1995, berapakah hitung panjang kontrak niaga yang telah diniagakan sehari dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak KLOFFE untuk mendedahkan masyarakat kepada pasaran baru ini; dan
- (b) di samping Indeks Komposit BSKL adakah pihak KLOFFE bercadang memperkenalkan instrument lain untuk didagangkan di KLOFFE.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Bhd. (KLOFFE) dilancarkan, purata dagangan sehari setakat 17HB. Mei 1996 adalah sebanyak 196 kontrak. Purata dagangan sehari telah menunjukkan peningkatan dari bulan ke bulan. Dalam bulan Disember 1995 misalnya purata dagangan sehari adalah sebanyak 67 kontrak. Purata kontrak harian itu meningkat kepada 117 dalam bulan Januari 1996, 141 dalam bulan Februari, 264 dalam bulan Mac dan 308 dalam bulan April 1996.

Bagi memastikan masyarakat umum mendapat pendedahan yang sewajarnya kepada urusan niaga pasaran hadapan, KLOFFE telah mengambil beberapa langkah, termasuklah:-

- (i) mengadakan seminar bergerak di peringkat antarabangsa dan tempatan;
- (ii) menyiarkan artikel berbentuk pendidikan dalam akhbar-akhbar tempatan;
- (iii) mengadakan simposium pendidikan secara percuma setiap minggu di ibu pejabat KLOFFE; dan
- (iv) KLOFFE juga akan mengadakan seminar bertajuk “First Derivatives Exhibition in Malaysia”, dengan izin, pada 8hb. Jun 1996 di mana kertas kerja mengenai kontrak niaga hadapan akan dibentangkan dalam 3 bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

Untuk menjawab soalan kedua, ingin saya nyatakan bahawa di samping kontrak niaga hadapan yang berasaskan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), KLOFFE juga bercadang memperkenalkan kontrak opsi ke atas KLCI dan juga kontrak opsi ke atas saham-saham individu KLSE.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini KLOFFE hanya menjalankan kewangan hadapan (financial futures). Mengapakah KLOFFE lambat menjalankan perniagaan opsi ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya KLOFFE lambat menjalankan perniagaan opsyen dan saya jawab tadi ianya akan diadakan tidak berapa lama lagi. Sebab-sebab kelambatan ini ialah, yang pertama sekali untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat ialah sistem penyelesaian KLOFFE yang ada sekarang belum dapat diharmoniskan dengan sistem penyelesaian KLSE. Insya-Allah tidak berapa lama lagi ianya akan dapat diharmoniskan.

Sebab yang kedua, masih banyak lagi saham-saham individu yang disenaraikan di dalam KLSE belum lagi ditukarkan untuk disenaraikan di dalam Central Depository System (CDS). Oleh itu, rumah penjelasan yang ada tidak berapa ghairah untuk menanggung risiko andainya berlaku pemalsuan sijil.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah timing pasaran. Tadi, saya sebut mengenai dengan kontrak yang meningkat daripada 67 sehingga beberapa ratus lebih kerana ini menunjukkan bahawa pasaran KLOFFE yang ada sekarang belum lagi mencapai tahap kecairan yang boleh menggalakkan sambutan daripada peniaga-peniaga hadapan. Jadi, kemungkinan apabila kecairan ini atau dengan izin, liquidity level naik, maka akan diadakan perniagaan-perniagaan opsyen ke atas KLCI dan opsyen ke atas saham-saham individu KLSE.

**AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI -  
KEBAIKAN/KEBURUKAN**

11. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kebaikan-kebaikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA); dan
- (b) berapa ramaikah bekas tahanan ISA yang menjadi rakyat berguna kepada negara ini dan apakah keburukan-keburukan kepada negara jika ISA dimansuhkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) atau ISA masih penting dan berguna untuk keselamatan negara. Melalui Akta ini kerajaan telah berjaya mengekalkan keharmonian negara dan membanteras komunis dan subversif, puak-puak pelampau dan ancaman-ancaman negara lain yang boleh menimbulkan kekacauan di Malaysia. Oleh kerana kerajaan berjaya mengawal dan mencegah ancaman-ancaman ini, maka pembangunan negara telah dijalankan dengan lancar pada masa depan. Itulah sebabnya pada tahap ini kita harus berbangga bahawa Malaysia sedang menuju ke arah taraf negara maju hasil daripada keharmonian yang dinikmati selama ini.
- (b) boleh dikatakan hampir semua bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah menjadi rakyat yang berguna kepada negara setelah menjalani tahanan tersebut.

Keburukan-keburukan yang mungkin wujud jika sekiranya Akta ini dimansuhkan ialah negara ini tidak akan dapat mengecapi pembangunan dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan rakyat akibat daripada kegagalan kerajaan untuk membanteras anasir-anasir yang menjejaskan keharmonian dan kestabilan di masyarakat majmuk kita ini, lebih-lebih lagi dari masa ke semasa terdapat sindiket-sindiket atau orang perseorangan cuba melakukan kegiatan yang boleh memudaratkan ketenteraman dan keselamatan negara. Adalah tidak bermakna jika apabila negara kita mula maju dengan cepatnya kita longgarkan kawalan keselamatan sehingga keselamatan negara kita sudah tidak terjamin.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa sekarang ini berapa orangkah yang masih lagi ditahan di bawah Akta ISA dan adakah orang yang bukan warganegara boleh ditahan di bawah Akta tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini terdapat 131 orang masih ditahan di bawah Akta ini dan mereka masih menjalankan program pemulihan di Kem Perlindungan Kamunting. Akta ini boleh digunakan untuk sesiapa sahaja di dalam Malaysia, tidak kira dia orang asing atau orang Malaysia, kalau mereka melakukan kegiatan yang menjejaskan keselamatan kita.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa satu gejala yang paling bahaya ialah pengedaran dadah, sama ada kes-kes yang tidak mempunyai bukti pengedaran dadah secara besar-besaran ini diletakkan di bawah ISA ataupun tidak? Kalau tidak mengapa tidak dilakukan? Kalau dilakukan berapakah kes-kes yang telah ditahan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya ada dua atau tiga soalan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid? Saya ingat pertama sahaja.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Yang pertama, okaylah. Berapakah kes yang telah kita letakkan sama ada sindiket pengedaran dadah yang tidak mempunyai bukti terutama sekali bos-bos yang besar, yang tidak ada bukti diletakkan di bawah ISA atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan pada masa ini sudah ada satu undang-undang yang baru tahun lepas sahaja diluluskan yang saya telah bentangkan di sini untuk dapat dilanjutkan khas untuk pengedaran dadah iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) di mana kita boleh menahan seseorang pengedar dadah tanpa bicara. Kesan itu sama dengan ISA tetapi itu khas untuk menangkap pengedar dadah. Sehingga kini kira-kira ada lebih 1,000 orang pengedar dadah yang dikira serius melibatkan diri itu telah ditahan, masih di dalam pusat-pusat tahanan dan ada beberapa ratus orang telah disekat di daerah-daerah di mana mereka tidak boleh jalankan kegiatan itu.

Pengedar-pengedar besar itu kalau dapat kita tangkap, saya ingin membetulkan, selalunya kita ada satu gambaran yang salah seperti kerajaan tangkap orang tanpa bukti. Kita tak boleh kata 'tanpa bukti'. Sebenarnya kita tangkap mereka ini dengan bukti, tetapi atas sebab-sebab teknik atau sebab-sebab sesuatu kesulitan apabila kita hendak pergi mahkamah, saksi dia takut sangat hendak pergi ataupun kerana sesuatu rahsia yang sensitif itu. Kita sudah pasti ada cukup saksi, baru kita masuk di bawah akta ini dan terus ditahan tanpa bicara. Kerajaan tidak sewenang-wenangnya tahan sesiapa di bawah akta ini, kecuali bukti sudah kukuh baru kita tahan.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merujuk kepada soalan bahagian (b). Tadi dikatakan terdapat beberapa orang bekas tahanan ISA yang telah menjadi manusia yang baik-baik. Menerusi pandangan saya sendiri terdapat beberapa bekas tahanan ISA ini yang memang menjadi jauh berubah selepas keluar daripada tahanan, iaitu kalau dahulunya dia seorang peramah dan dia memang seorang yang terpelajar, tetapi apabila dia keluar seolah-olah dia takut bercakap dengan manusia. Jadi, pelajaran yang ada padanya di suatu masa dahulu tidak dapat digunakan lagi seolah-olah dia sudah tidak siuman lagi. *[Ketawa]* Jadi, adakah itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya?

**Datuk Maidom P. Pansai:** Saya sampai kepada soalnya sekarang. *[Ketawa]* Adakah keadaan seperti itu dianggap sebagai mereka itu menjadi manusia yang baik-baik?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan ada banyak contoh, tetapi saya tidak mahu sebut nama-namanya. Ramai daripada bekas tahanan ini selepas mereka keluar sama ada mereka hari ini sudah jadi pemimpin politik yang begitu berjaya ataupun jadi peniaga-peniaga yang begitu kaya pada hari ini. Kebetulan mungkin ada seorang dua kalau dia tak siuman bukan sebab ISA, sebab orang itu kebetulan dia tak siuman. Kalau tak masuk Kem Kamunting pun mungkin dia lagi awal sudah jadi tak siuman. *[Ketawa]* Saya rasa itu tidak berkaitan.

#### AIR PAIP KOTOR - LANGKAH MENGATASI

**12. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kerja Raya menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani rungutan orang ramai mengenai bekalan air paip untuk kegunaan domestik yang kurang memuaskan dan sering didapati kotor dan berwarna perang terutama di beberapa bandar-bandar utama di negara ini.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan Malaysia, bekalan air adalah perkara yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, pihak berkuasa air negeri adalah bertanggungjawab ke atas pembekalan air minum yang selamat dan bersih di negeri masing-masing. Kualiti air yang dibekalkan adalah menepati sukatan piawaian mandatori yang ditetapkan oleh World Health Organization. Selain dari pihak berkuasa air, Kementerian Kesihatan Malaysia selaku badan bebas juga menjalankan pemeriksaan kualiti air mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui kadangkala terjadi kualiti bekalan air yang menurun disebabkan paip-paip lama yang pecah dan pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih bekalan air. Untuk mengatasi masalah ini, pihak berkuasa air negeri sedang melaksanakan program menggantikan paip-paip lama agar kekerapan kejadian paip-paip pecah dapat dikurangkan dan kualiti air yang dibekalkan sentiasa baik.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini berlaku epidemik kolera di negara kita. Mengikut surat khabar punca epidemik itu adalah dari satu kilang ais di Pulau Pinang, iaitu air kotor atau contaminated, dengan izin. Tidakkah kementerian Yang Berhormat Menteri ingin mengambil tindakan dalam perkara ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pihak yang boleh mengesahkan bahawa bila air keluar dari paip sudah contaminated. Bila air sudah keluar dari paip, kita simpan dalam apa-apa tempat baru dia contaminated. Bagi pihak saya, air yang keluar daripada paip tidak ada badan yang mengesahkan bahawa air itu sudah contaminated, oleh kerana itu pihak JKR tidak bertanggungjawab atas perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan yang akhir untuk hari ini.

#### KES MAHKAMAH TERTANGGUH - PENYELESAIAN

**13. Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah kes-kes mahkamah yang masih belum dapat diselesaikan sehingga kini dan tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu peruntukan undang-undang membenarkan kes-kes ringan diselesaikan melalui proses musyawarah di antara mereka yang terlibat seperti yang pernah diamalkan di kampung-kampung pada masa yang lampau.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang masih belum selesai setakat Februari/Mac 1966 ialah 642,523 kes.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pertikaian-pertikaian sivil diselesaikan di luar mahkamah melalui timbangtara 'conciliation' dan proses rundingan.

Akta Timbangtara 1952 mewujudkan mekanisme untuk pihak-pihak yang terkilan termasuk badan-badan korporat, pertubuhan-pertubuhan dan individu menyelesaikan sesuatu pertikaian di luar mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 28 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

**Rancangan Malaysia Ketujuh  
1996 - 2000****3.37 ptg.**

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Usul seperti berikut:

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** ekonomi negara mencapai pertumbuhan yang pesat dan tahap pencapaian matlamat sosio-ekonomi yang mengagumkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam;

**menyokong** kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

**melulus dan merestui** Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi memastikan objektif dan iltizam Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996 dapat dicapai;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempertingkatkan usaha dan iltizam mereka ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tempoh 1996-2000 untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berakhirnya Rancangan Malaysia Keenam, negara kini berada di ambang suatu era baru. Kita berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan memastikan Malaysia sentiasa berdaya saing dan terus berada di hadapan dari segi pembangunan. Walau bagaimanapun, matlamat dan rancangan tidak terbatas kepada cita-cita mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Dasar Pembangunan Nasional bertunjangkan kepada konsep pembangunan seimbang dan menyeluruh. Pertumbuhan ekonomi diseimbangkan dengan keadilan sosial, pembinaan teknologi disertai dengan pemeraksanaan budaya, ketangkasan industri disulami dengan kekuatan moral dan akhlak.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK sebenar purata sebanyak 8.7% setahun. Pertumbuhan yang pesat ini telah meningkatkan pendapatan per kapita rakyat daripada RM6,099 pada tahun 1990 kepada RM9,786 pada

tahun 1995. Pertumbuhan yang memberangsangkan telah membolehkan kerajaan melaksanakan strategi dan program pengagihan dengan lebih berkesan. Program pembasmian kemiskinan telah ditumpukan kepada golongan termiskin dengan menggalakkan pelaksanaan projek yang dapat meningkatkan pendapatan, menyediakan kemudahan prasarana yang lebih baik dan memperkukuhkan lagi kemudahan pendidikan dan latihan.

Program ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan isirumah rakyat Malaysia daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995. Manakala kadar kemiskinan golongan termiskin berkurang daripada 3.9% kepada 2.1% dalam tempoh yang sama. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program pembangunan sosial seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan. pelbagai kemudahan sokongan prasarana fizikal yang mencukupi di semua peringkat pendidikan awam telah disediakan.

Dari segi kesihatan, pelbagai program perkhidmatan yang mengutamakan kesihatan dan pencegahan penyakit serta gaya hidup sihat telah dilancarkan. Prestasi program penyediaan rumah untuk rakyat adalah menggalakkan. Kira-kira 647,500 unit rumah telah siap dibina dalam tempoh rancangan dan daripada jumlah tersebut, 40.4% adalah merupakan rumah kos rendah. Namun, masih banyak yang perlu dan boleh dilaksanakan dalam bidang ini untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Walaupun ekonomi negara kita telah berkembang pesat dan taraf hidup penduduk terus meningkat, banyak cabaran mendatang yang perlu ditangani, dan di antara cabaran-cabaran tersebut yang diperjelaskan oleh Perdana Menteri tatkala mengemukakan rang undang-undang, termasuklah:

- memesatkan transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan mutu (kualiti);
- mempercepatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi yang menjimatkan penggunaan buruh;
- menguruskan pertumbuhan yang kukuh dengan jayanya, di samping mengekalkan kestabilan harga dan imbalan akaun luar negara;
- menggalakkan pendekatan global kepada perindustrian untuk membolehkan firma menceburi operasi berskala besar;

- menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu melalui pengukuhan rantaian antara industri;
- meningkatkan daya saingan dalam menghadapi globalisasi atau kesejagatan yang lebih luas;
- membangunkan sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasi terbuka;
- memperkukuh sains dan teknologi dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan;
- memastikan pembangunan yang mampan;
- menekankan usaha yang lebih gigih ke arah pengagihan pertambahan pendapatan dan kekayaan negara dengan saksama; dan
- menangani masalah sosial yang semakin meningkat.

Maka teras pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh adalah tertumpu kepada:-

- (i) meningkatkan pertumbuhan potensi keluaran;
- (ii) mempesatkan peralihan struktur ekonomi, dan
- (iii) membangunkan ekonomi secara lebih seimbang.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan ditumpukan kepada usaha membangunkan kemudahan prasarana, sumber manusia serta sains dan teknologi. Keutamaan akan diberi kepada projek yang boleh mewujudkan keupayaan baru, mengurangkan kekangan penawaran di samping projek yang dapat mewujudkan peluang ekonomi yang baru di negeri-negeri kurang maju dan di sektor desa luar bandar dan pedalaman.

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di samping memperbaiki tahap pendapatan, mengurangkan kemiskinan, sektor ekonomi akan diperuntukkan RM33.7 bilion atau separuh daripada jumlah keseluruhan peruntukan dengan sektor kecil pengangkutan dan komunikasi mendapat peruntukan paling tinggi sebanyak RM15.8 bilion, sektor sosial RM19.8 bilion dan lebih separuh adalah untuk pendidikan dan latihan. Ini melambangkan keazaman kerajaan untuk memperkukuh pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, teras Dasar Pembangunan Nasional ialah pembangunan seimbang dengan tumpuan kepada pertumbuhan dengan kesaksamaan ke arah mewujudkan masyarakat yang adil, bersatu padu, aman dan makmur. Justeru itu, penekanan diberi kepada usaha mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi, di samping menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju serta menambah guna tenaga profesional bumiputera dan meningkatkan penguasaan bumiputera dalam sektor korporat.

Pembasmian kemiskinan merupakan salah satu tunggak keadilan sosial. Justeru itu, kerajaan akan terus mengusahakan agar kadar kemiskinan di kalangan rakyat dikurangkan. Kadar kemiskinan keseluruhan dijangka mencapai tahap 5.5%, iaitu lebih rendah daripada kadar sasaran Rancangan Jangka Panjang Kedua, iaitu 7.2%. Kadar kemiskinan golongan termiskin secara praktiknya akan dapat dihapuskan sama sekali. Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan memberi peluang yang lebih besar kepada golongan miskin menyertai kegiatan yang dapat meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya membebaskan keluarga mereka dari belenggu kemiskinan. Lantaran itu, tumpuan akan diberikan kepada pendidikan dan latihan kemahiran bagi membolehkan golongan miskin mendapat pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lebih produktif dan menguntungkan.

Pembinaan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan tergendala tanpa berlakunya pemerataan atau pengagihan saksama peluang-peluang perniagaan di kalangan bumiputera. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh program pembangunan vendor dan francais serta program usaha sama akan diperluaskan lagi. Lebih ramai usahawan bumiputera akan mendapat manfaat daripada peningkatan peluang yang diwujudkan. Di samping itu, usahawan bumiputera akan diberi latihan yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan mereka menyertai industri berteknologi maju.

Usaha untuk menambah bilangan bumiputera bagi pekerjaan profesional dan teknikal ialah dengan meningkatkan bilangan bumiputera dalam aliran sains dan teknikal di sekolah. Segelintir kaum yang bukan bumiputera yang agak ketinggalan dalam kegiatan ekonomi juga akan diberi perhatian dan pertolongan.

Mengenai penyertaan dan penguasaan bumiputera dalam ekuiti saham sektor korporat, langkah-langkah akan diambil untuk memperlengkap golongan bumiputera dengan kemahiran tertentu untuk mengurus dan mengendali aset. Dengan tumpuan yang semakin bertambah diberi kepada

pengurusan yang sesuai ke atas entiti yang dimiliki oleh bumiputera, maka ekuiti bumiputera dalam bidang industri dan komersil akan menjadi lebih besar. Di samping itu, individu, institusi dan agensi amanah bumiputera juga akan digalakkan untuk menerokai pasaran baru ke luar negara.

Dalam usaha kita untuk bergerak lebih pantas ke hadapan, maka tidak ada perkara yang lebih penting selain daripada pembangunan sumber manusia. Penggembleran serta peningkatan pengetahuan dan kemahiran buruh, kecekapan dan inisiatif pengurusan serta kemajuan pengetahuan saintifik dan teknologi akan dilaksanakan secara aktif dan secara bersama oleh kerajaan dan sektor swasta. Penyertaan dan kerjasama yang lebih meluas dari sektor swasta akan digalakkan dalam menyediakan pendidikan tinggi serta latihan kemahiran dan latihan semula.

Tuan Yang di-Pertua, usaha juga akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan buruh dan pergantungan kepada pekerja asing. Kerajaan tidak menggalakkan lagi industri yang berintensif buruh dengan pelaburan modal kurang daripada RM55,000 bagi setiap pekerja. Apabila firma terus meningkatkan penggunaan teknologi penjimatan buruh, maka pengambilan buruh asing akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat. Langkah-langkah juga akan diambil dalam meningkatkan penggunaan lebih besar buruh tempatan termasuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita serta pengambilan pesara dan warga kurang upaya untuk kerja-kerja yang sesuai dengan mereka. Kerajaan sedang mengkaji semula Akta Kerja 1955 yang bertujuan meminda peraturan berkaitan dengan kerja sambil bagi menggalakkan lebih ramai wanita menyertai pasaran buruh.

Pekerja di Malaysia telah menikmati kadar upah yang tinggi pada masa ini. Tetapi sekiranya peningkatan upah tidak mencerminkan peningkatan produktiviti dalam jangka masa panjang, ini akan meningkatkan tekanan inflasi, mengurangkan kelebihan daya saingan kita. Justeru itu, usaha-usaha yang lebih bersepadu akan dilakukan oleh sektor awam dan swasta untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan bagi membolehkan peningkatan upah secara berpatutan serta mengurangkan kos buruh.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan akan dilaksanakan dengan lebih pesat lagi di bawah RMK-7. Tetapi di dalam melaksanakannya, kerajaan akan memastikan tanggungjawab sosial akan dipikul oleh entiti yang telah diswastakan. Disamping itu, kepentingan pengguna-pengguna perkhidmatan

yang diswastakan ini akan dilindungi melalui penubuhan badan-badan pengawasan yang berkaitan. Selaras dengan penekanan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, usaha akan diambil untuk memperbaiki keupayaan negara dalam mengguna, menyesuaikan dan mempertingkatkan teknologi yang diimport serta menggalakan pembangunan teknologi tempatan, atau dengan izin, indigenous technology. Peruntukan P&P negara akan dipertingkatkan kepada RM1.2 bilion. Untuk mempercepatkan pembangunan P&P serta keupayaan teknologi tempatan. Langkah-langkah juga akan diambil untuk meninggikan pelaburan negara di dalam pendidikan saintifik dan teknologi serta pembangunan tenaga manusia teknikal dan penyelidikan.

Sektor swasta perlu memainkan peranan yang lebih besar untuk menguasai dan mengkomersilkan teknologi bagi memastikan bahawa pembangunan teknologi perindustrian dapat dipertingkatkan. Industri akan digalakkan untuk mengkhusus dalam teknologi yang baru dan berdaya maju dalam usaha mewujudkan industri berteknologi canggih yang boleh mengeluarkan produk yang lebih berkualiti dan lebih berdaya saing bagi memenuhi permintaan baru.

Peranan maklumat di dalam proses membuat keputusan lebih dan kian penting. Persaingan antarabangsa telah menjadikan teknologi maklumat (IT) begitu penting kepada pembangunan ekonomi. IT boleh memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara, khususnya dalam meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saingan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan

memastikan infrastruktur IT terus dibangunkan ke arah mewujudkan asas yang kukuh kepada pembangunan masyarakat yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pembangunan sektor pertanian yang terus lembab, terutamanya disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja, terhadnya tanah yang sesuai untuk pertanian, harga yang rendah bagi beberapa komoditi dan pelaburan yang secara relatifnya rendah di dalam sektor ini, kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Dasar Pertanian Negara dan memindahkan tumpuan pembangunan pertanian ke arah peningkatan produktiviti melalui penggunaan sumber-sumber pertanian dengan lebih cekap. Pembangunan sektor ini akan ditumpukan di bidang yang kita mempunyai kelebihan untuk bersaing dan yang memberikan pulangan yang tinggi. Penyertaan sektor swasta akan dipertingkatkan dengan sektor awam menyediakan sokongan yang perlu melalui perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat.

Dalam usaha untuk menjadikan pertanian sebagai satu sektor yang lebih berdaya saing dan mampan, kerajaan akan menarik balik subsidi secara berperingkat-peringkat terutama di bidang yang kos pengeluarannya terlalu tinggi dan manfaat kepada petani terlalu kecil. Usaha P&P ke atas aktiviti hiliran akan dipergiatkan untuk membangunkan produk akhir yang menggunakan komoditi pertanian dengan lebih baik. Disamping itu, agensi pertanian akan dirombak semula untuk meningkatkan kecekapan dan

keberkesanan mereka. Perubahan ini dijangka bukan sahaja akan dapat merubah sektor pertanian, tetapi juga dapat menyalurkan sebahagian daripada sumbernya kepada sektor lain yang lebih produktif di dalam ekonomi.

Bagi memastikan pembangunan ekonomi agar terus mampan, perimbangan alam sekitar dan pemuliharaan akan terus disepadukan dalam rancangan pembangunan. Di samping itu, mekanisme pasaran yang inovatif akan ditubuhkan bagi membantu langkah perundangan dan penguatkuasaan untuk menggalakkan sektor swasta mengguna dan membangunkan teknologi yang mesra alam.

Pengurusan alam sekitar dalam RMK-7 secara keseluruhannya akan dipandu arah oleh Dasar Negara mengenai alam sekitar yang sedang digubal untuk memastikan kemampanan dan peningkatan kualiti hidup dalam jangka masa panjang. Strategi pemuliharaan negara akan digunakan sebagai rangka kerja kepada pendekatan yang lengkap dan menyeluruh untuk pembangunan sumber-sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, penyediaan perkhidmatan sosial akan tetap menjadi agenda utama pembangunan. Dalam aspek pendidikan, beberapa perubahan utama akan diperkenalkan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan lagi sistem pendidikan. Usaha ini dijangka dapat memperbaiki kualiti dan kuantiti keluaran bagi memenuhi keperluan tenaga manusia terutamanya di dalam bidang sains dan teknologi. Penekanan yang berterusan akan diberi bagi

meningkatkan lagi peluang pendidikan untuk penduduk di luar bandar dan di kawasan yang terpencil.

Kerajaan juga akan terus memperluas dan menaikkan taraf perkhidmatan kesihatan untuk membolehkan rakyat Malaysia terus menikmati mutu hidup yang lebih baik terutamanya di kawasan luar bandar, desa dan pedalaman. Kualiti penjagaan pesakit akan ditingkatkan, manakala lebih banyak perkhidmatan pesakit luar akan ditempatkan berhampiran dengan penduduk. Tumpuan yang lebih besar akan diberi kepada penggalakkan dan pencegahan kesihatan supaya kos bagi rawatan perubatan dan pemulihan kesihatan pada masa hadapan dapat dikurangkan.

Program Pembangunan Perumahan akan terus diperkukuhkan dan keutamaan akan diberi kepada pembangunan rumah kos rendah dan juga kos sederhana. Dalam hal ini sektor swasta dijangka menyokong dan membantu daya usaha sektor awam, serta memainkan peranan lebih penting dalam memenuhi keperluan perumahan negara berikutan daripada pertambahan isi rumah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan belia adalah penting dalam menentukan kejayaan pembangunan sosio-ekonomi negara pada masa hadapan. Dalam tempoh RMK-7, teras pembangunan belia adalah untuk membangunkan satu generasi belia yang bukan sahaja berpendidikan dan berkemahiran malah berdisiplin dan mempunyai nilai-nilai moral dan ketinggian akal budi. Pelbagai program pembangunan belia, seperti Program Rakan Muda akan terus

dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Dasar Belia Negara akan dikaji semula untuk memberikan tumpuan kepada belia bermasalah dan mereka yang menganggur dengan tujuan membentuk mereka menjadi tenaga buruh yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**3.56 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Semenjak mencapai kemerdekaan kira-kira 38 tahun yang lalu, negara kita telah mengalami begitu banyak perubahan. Perubahan-perubahan itu telah menukar struktur ekonomi kita dan memodenkannya, menambah pendapatan dan meninggikan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat, memperkukuhkan lagi integrasi dan perpaduan negara dan mengharumkan nama negara di kalangan masyarakat antarabangsa.

Kita yakin kemajuan ini akan dapat diteruskan walaupun kita akan dihadapi oleh beberapa cabaran yang baru dan bertambah kompleks dalam tahun-tahun yang akan datang. Selaras dengan ini Rancangan Malaysia Ketujuh telah digubal untuk memandu negara menuju dengan jayanya ke

ambang abad ke-21 dan seterusnya ke matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dari semua segi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh mengenal pasti 11 cabaran utama yang perlu ditangani atau diatasi oleh negara dalam 5 tahun yang akan datang. Dalam hal ini sukalah saya menarik perhatian kepada beberapa ciri penting cabaran-cabaran dan teras pembangunan untuk pemahaman kita bersama.

Pertama, cabaran dan teras itu melibatkan bukan sahaja bidang ekonomi tetapi juga bidang pemuliharaan alam sekitar, pengagihan dan masalah sosial.

Kedua, cabaran-cabaran itu dan cara-cara mengatasinya adalah kait mengait dan perlu dilaksanakan secara integrated, dengan izin, dan serentak jika keberkesanan yang penuh hendak dicapai.

Ketiga, pelaksanaan teras-teras pembangunan tersebut memerlukan penglibatan gigih dan kerjasama erat di antara sektor swasta atau korporat, sektor awam, badan-badan bukan kerajaan dan rakyat secara umum. Dalam hal ini, sektor korporat mempunyai peranan yang bertambah penting. Sektor korporat dijangka bukan sahaja akan memperbesar dan mempercanggihkan operasinya, tetapi juga akan memainkan peranan yang lebih besar dalam menjayakan program-program berbentuk sosial seperti pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (BCIC), pembangunan sumber manusia dan pemuliharaan alam sekitar.

Keempat, ciri yang terpenting iaitu cabaran-cabaran dan teras-teras tersebut memerlukan perubahan-perubahan dan dilaksanakan dengan berkesan. Sebagai contoh, pembaharuan strategi atau teras daripada ekonomi yang didorong oleh input atau pelaburan kepada ekonomi yang didorong oleh produktiviti dan kualiti memerlukan pelbagai jenis perubahan. Ini termasuk peningkatan kecanggihan dalam kaedah produksi barangan pembuatan dan berkaitan dengan itu, penambahan meluas dalam kesanggupan dan kebolehan mengolah, menerima dan mempraktikkan inovasi dalam kaedah kerja.

Selain daripada itu, penyesuaian sistem pendidikan dan latihan kemahiran perlu disusun dan dilaksanakan. Pendek kata, pada amnya perlu ada kesanggupan semua peringkat guna tenaga untuk mengubah sikap masing-masing supaya ianya selari dengan sikap yang perlu ada pada para guna tenaga dalam ekonomi yang didorong oleh produktiviti dan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya menyatakan bahawa cabaran dan teras pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh merangkumi bidang ekonomi dan bukan ekonomi. Ini sebenarnya, adalah ciri penting pembangunan negara dan telah ditekankan secara berterusan semenjak rancangan pembangunan dilaksanakan di negara kita.

Pada mulanya iaitu dalam jangka masa Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971 hingga 1990, ianya diistilahkan sebagai pembangunan dengan pengagihan atau dengan izin, *growth with equity*, dan berikutan itu apabila Dasar Pembangunan Nasional diperkenalkan dalam tahun 1991, konsep itu

diperluaskan untuk menjadi pembangunan seimbang atau dengan izin, balance development. Kesemuanya lapan jenis keseimbangan ditekankan oleh Dasar Pembangunan Nasional dan sekiranya kita halusi Rancangan Malaysia Ketujuh, kita akan dapati bahawa kesemua jenis keseimbangan itu telah diambil kira. Ini termasuklah tekanan kepada usaha untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan di antara negeri-negeri dan keseimbangan antara pembangunan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sukar hendak dinafikan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu rancangan pembangunan yang cukup komprehensif dan pragmatik dan oleh itu berpotensi untuk memandu pembangunan pesat negara dalam pelbagai bidang.

Sekarang ini adalah menjadi tanggungjawab dan tugas semua rakyat Malaysia untuk merealisasikan potensi itu supaya menjelang tahun 2001 negara kita yang tercinta akan bertambah maju dari segala segi dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

**4.03 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Dewan yang mulia ini untuk berucap berkaitan Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam ucapan ini secara keseluruhan, saya ingin menyentuh tentang masyarakat yang berpendapatan rendah di luar bandar khususnya masyarakat ladang.

Saya bersetuju bahawa negara telah berjaya dalam semua sektor yang diceburi. Bagi masyarakat Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang berkesan dengan perancangan yang strategik buat masa ini. Saya mempercayai bahawa negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk adalah salah satu negara yang kian membangun di bawah pimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menterinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjumpaan Ulang Tahun Ke-50 UMNO, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan tentang 'yakin boleh'. 'Yakin boleh' di mana benar-benar timbul dari hatinya. Yang Amat Berhormat berkata begitu adalah untuk mempertingkatkan semangat di kalangan masyarakat Malaysia. Masyarakat yang memerlukan bantuan tetapi tidak mengetahui cara-caranya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka bergantung semata-mata kepada bantuan kerajaan, beberapa langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Tetapi kadang-kadang bantuan kerajaan itu tidak sampai kepada kumpulan sasaran. Dalam pengalaman saya sebagai ahli politik dalam tempoh 35 tahun, saya telah melihat sendiri masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1975, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah memperkenalkan satu langkah di mana nasib golongan yang malang ini dibela seterusnya projek perumahan pekerja-pekerja ladang telah diperkenalkan tetapi setelah ketiadaan beliau, rancangan tersebut lenyap bersama-samanya dan sudah tidak lagi diteruskan. Oleh itu, rancangan ini tidak dapat dilaksanakan atau dijayakan seperti yang dijangkakan.

Setelah 20 tahun yang lepas jika rancangan itu diadakan semula adalah satu kelewatan pihak berkuasa dalam bertindak kerana peladang-peladang serta petani-petani yang telah membanting tulang dalam usia muda, mereka dalam serba kekurangan seperti sekolah, elektrik, air dan infrastruktur yang lain telah berhijrah ke tempat lain kerana sudah tidak tahan lagi penderitaan yang dialami yang menjadi persoalannya kini.

Apakah yang telah mereka perolehi setelah mengundi Barisan Nasional sebagai pucuk pimpinan mereka? Selama ini kepercayaan mereka terhadap Barisan Nasional telah diabaikan. Mereka harus memberikan kepercayaan yang terus-menerus agar Barisan Nasional akan terus teguh seperti hari ini. Kini jika rancangan tersebut dilaksanakan hanya bangsa-bangsa asing yang akan menikmati kemudahannya dan bukannya warga-warga desa ini yang telah bertungkus-lumus menjayakan sektor perladangan selama ini.

Oleh itu, mulai sekarang dengan pimpinan PM, generasi-generasi ini akan mendapat kemudahan tersebut memandangkan golongan yang paling banyak menghadapi penderitaan ini adalah kaum India. Segala beban ini telah ditanggung oleh MIC, telah sedikit sebanyak mengendalikan masalah-masalah

ini, bukan kerajaan tidak melancarkan bantuan tetapi segala perancangan yang dibuat tidak memberi faedah terhadap warga-warga yang memerlukan.

Contohnya, bagi kaum India, untuk meminta bantuan hanyalah perlu merujuk kepada MIC dan tidak ada tempat yang lain. Contohnya, tulang belakang pentadbiran bagi masyarakat kini iaitu ketua kampung, penghulu, pegawai daerah peringkat negeri tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk mengetahui kedudukan kaum India di bawah kuasanya.

Mereka memberi bantuan tetapi bantuan tersebut tidaklah berterusan kerana mereka tidak mempunyai perasaan timbang rasa sepertimana yang ditunjukkan oleh kerajaan. Untuk mengubah keadaan ini kerajaan perlu mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pentadbiran seperti inilah warga-warga desa terutamanya kaum India telah menderita selama 30 tahun yang telah lepas. Rancangan yang dilakukan tidaklah memadai dengan hanya membukukannya dengan muka kulit yang indah tetapi isi kandungannya tidak sampai atau menuju destinasi yang sepatutnya.

Oleh itu, yang telah memikul segala tanggungjawab ialah MIC. Pihak MIC telah menyelesaikan masalah yang telah membelenggu kaum India selama ini. Rancangan Malaysia Ketujuh ini harap dapat membantu kaum India dalam menangani masalah tersebut dengan perancangan yang kita buat dapat dinikmati bersama bukan sekadar rancangan tinggal rancangan sahaja tanpa dipraktikkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu minta berhenti sekejap. Menurut Peraturan 6(3) saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu sila teruskan.

**Tuan N. Marimuthu:** Rancangan Malaysia Ketujuh ini diharap dapat membantu kaum India dalam menangani masalah tersebut dengan perancangan yang telah dibuat dapat dinikmati bersama bukan sekadar rancangan tinggal rancangan sahaja, tetapi harus dipraktikkan. Jadi, ketua kampung, penghulu, pegawai daerah di peringkat negeri haruslah mengambil tahu tentang rancangan-rancangan ini agar mereka juga tidak ketinggalan dalam membantu meningkatkan beban yang sedia ada ini, oleh kerana kaum India masih di bawah garis kemiskinan.

Kaum India masih berada di bawah garis kemiskinan, maka dicadangkan agar kuarters atau rumah-rumah diberikan kepada mereka. Jika dahulu MIC tidak membantu mereka, mungkin taraf hidup serta pendidikan kaum India adalah paling rendah. Sebagai contoh saya sendiri adalah berasal dari ladang dan telah melihat sendiri penderitaan yang dialami. Selama 35 tahun saya dalam jawatan ini di peringkat negeri dan bahagian saya telah memperolehi banyak pengalaman, ini telah memberi saya pengalaman yang mencukupi untuk bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri S. Samy Vellu pemimpin yang ke-7 MIC telah berjuang dengan gigih bagi orang India. MIC telah memberi peluang untuk pendidikan teknologi bagi kaum India dan masyarakat Malaysia dengan membina Kolej Teknologi Negeri Sembilan dan dengan ini ramai kaum India telah memperolehi pekerjaan dan berminat untuk belajar di bidang teknologi. Selepas itu Vendor Akademik telah diadakan di Kuala Lumpur.

Beberapa program termasuk twinning program telah diadakan sekali lagi di Negeri Sembilan, Tafe College telah didirikan dan kini telah menghasilkan kaum terpelajar di kalangan kaum India. MIED ditubuhkan dan telah dibantu oleh kaum India untuk memberi bantuan kewangan bagi pertubuhannya. Selepas itu MIED berdiri dengan sendiri sebagai sumber biasiswanya bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam institusi tempatan dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kini kerajaan negeri Perak pula telah memperuntukkan 20 hektar tanah untuk mendirikan kolej di Ipoh dan kerajaan negeri Kedah pula memperuntukkan 50 hektar tanah untuk mendirikan pusat perubatan, kerja-kerja juga telah dimulakan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Kedah dan kerajaan negeri Perak. Oleh itu bantuan yang diberi oleh MIC mampu untuk menjalankan projek-projek besar sebegini. Tuan Yang di-Pertua, semua ini adalah untuk kemajuan pendidikan masyarakat Malaysia bukan hanya kaum India sahaja. Kejayaan yang telah dicapai ini adalah hasil daripada kesinambungan Dato' Seri S. Samy Vellu dan kerjasama dari kerajaan negeri serta masyarakat kaum India.

Ekonomi orang India hanyalah 1.5% sahaja, tetapi pada tahun 1960 masyarakat India dalam keadaan yang sangat teruk dan estet-estet telah dijual. Pada ketika itu ketua MIC mendiang Tun Sambanthan telah menubuhkan dengan izin, NLFC selepas itu beliau telah mengarahkan kaum India supaya

membeli saham-saham daripadanya untuk membeli estet-estet melalui NLFC dan beliau telah membeli ladang-ladang itu semula. Lebih kurang 25 buah ladang telah berjaya diperolehi National Land Finance Corporation, dengan izin. Kini bangunan NLFC yang dinamakan Wisma Tun Sambanthan adalah salah satu bangunan yang terbesar di Kuala Lumpur, NLFC telah berjaya dari tahun 1990 sehingga ke tahun ini. Peratusan pemilikan ekuiti hanya 1% sahaja dalam mengendalikan harta-harta kaum India.

Saham kerajaan dibeli oleh MIKA Holdings atas pimpinan Presiden MIC Dato' Seri S. Samy Vellu, ini telah meningkat peratusan sebanyak 1.5%. Jika dibandingkan dengan ekonomi kaum lain-lain, tidak segan untuk mengadakan bahan ekonomi. Walau bagaimanapun, kaum India masih di belakang, kami dikategorikan sebagai bukan bumiputera dan tidak mempunyai pengenalan sendiri, dengan ini kami menghadapi masalah. Kaum Cina telah berjaya dalam kategori bukan bumiputera dan kini mereka berada jauh ke hadapan.

Kaum India mengharapkan dapat mempelajari sedikit-sebanyak daripada mereka seperti kepantasan dalam pencapaian kaum Cina tidak boleh diberi tanding oleh kami. Bidang-bidang profesional adalah milik mereka, masyarakat India memiliki orang-orang bijak juga, tetapi mereka tidak dapat membantu secara keseluruhan kerana mereka adalah bilangan yang kecil. Walau bagaimanapun, kini kami telah berdiri di atas kaki sendiri dan mula bangun. Kami belajar daripada masyarakat Melayu - tidak ada faedah

bergantung kepada pertolongan orang lain, kerajaan harus memberi bantuan kepada kami, jika tidak pun berilah sokongan yang kuat supaya dapat kami lakukan sendiri. Kami mempercayai pentadbiran Perdana Menteri dan timbalannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ucapan Perdana Menteri mengenai 'Yakin boleh' adalah benar - benar tersemat di dalam hati kami. Kami sudah berjaya keluar dari cengkaman kemiskinan. Kini MIC sedang menyelesaikan masalah-masalah yang timbul bersama kerajaan, semua pentadbiran MIC haruslah mengikuti cara pentadbiran UMNO. Oleh itu kami akan berjaya dan terus berjaya.

Negara sedang menuju teknologi yang lebih maju, walau bagaimanapun masyarakat Malaysia tidak mempelajari asas-asasnya terutama lebuhraya yang dibina di seluruh Malaysia. Amatlah dikagumi dan kita telah mempelajari banyak daripada itu, tetapi kemalagan yang berlaku seperti tanah runtuh dan retakan membangkitkan persoalan sejauh manakah kita mengetahui pekerjaan ini haruslah kita nantikan bantuan dari orang luar. 'Kita boleh' dan 'kita yakin boleh'. Seharusnya kita telah mahir dalam memasang serta membuatnya seperti Proton, tetapi kita masih mengharapkan tenaga kerja dari Jepun, kita harus belajar kerja tersebut daripada mereka dan bukan hanya setiap kali hendak melakukan sesuatu kerja bantuan diharapkan dari orang luar.

Seperti yang diucapkan oleh Perdana Menteri, kita perlu mempelajari segala-galanya tanpa mengharapkan pertolongan, setelah menara yang tertinggi

di dunia dibina, jangan hanya berbangga dengan itu, tetapi kita haruslah mengetahui cara pembinaannya.

Contohnya, belajar dengan kontraktor-kontraktor dari luar negara ataupun kerajaan, mengambil langkah-langkah menghantar pekerja-pekerja kita untuk kursus yang berkaitan dengan bidang mereka dan mengadakan satu perjanjian dengan kontraktor luar negara untuk mengajar pekerja-pekerja kita dalam tempoh masa tertentu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam RMK-7, supaya kaum India menjadi lebih kukuh dalam bidang ekonomi, haruslah diberi lebih banyak peluang dalam memiliki saham-saham ekuiti dan lesen-lesen kewangan. Kami memang ada pihak-pihak profesional yang mampu mengendalikan bidang-bidang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

#### **4.22 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang pada petang ini untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh. Di dalam kita mencapai ke arah matlamat mewujudkan masyarakat bersepadu, berdaya saing dan berdaya tahan selaras dengan inspirasi kerajaan untuk mencapai status negara maju, kita semua berharap Rancangan Malaysia Ketujuh ini mencapai tahap yang paling baik, lebih daripada Rancangan Malaysia Keenam. Kita dapati Rancangan Malaysia Keenam berjalan dengan baik, dengan teratur dan terlaksana. Tetapi masih ada peratusan yang tidak dibangunkan lagi kerana masalah-masalah teknikal. Kita harap pihak kementerian-kementerian dalam menjalankan tugas Rancangan Malaysia Ketujuh ini perlu prihatin supaya Rancangan Malaysia Ketujuh ini mencapai ke matlamat dan sasaran.

Dalam kita ghairah menghadapi pembangunan industri yang pesat, dengan ekonomi yang mampan, dengan KDNKnya 8.7%, kita juga harus peka terhadap golongan-golongan yang lebih miskin dan daif, terutamanya warga tua. Warga tua ini golongan yang umurnya lebih daripada 60 tahun. Kita dapati mereka terbiar, tidak mempunyai keluarga. Apabila kita lihat negara kita maju dan aman, semua orang ada duit, tetapi kita lupa segelintir golongan masyarakat terbiar tanpa perhatian yang serius. Terpapar di dalam akhbar-akhbar boleh dikatakan setiap minggu berlaku di ceruk-ceruk kampung di

sana waris warga tua tanpa keluarga dan tanpa perhatian yang serius. Maka mereka ini tinggal di gubuk-gubuk buruk, tanpa perhatian yang perlu diberikan.

Saya berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memandang serius perkara ini supaya tidak berlaku, kerana peruntukan-peruntukan tertentu kita telah salurkan kepada kementerian yang berkenaan, melalui Rancangan Malaysia Keenam dan juga Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan adanya peruntukan-peruntukan demikian, kita berharap perkara ini kita laksanakan bagi mencapai tahap kemiskinan ke kadar kosong atau sifar.

Kita juga tidak lupa kepada golongan-golongan petani, golongan-golongan ladang, bak kata sahabat kita tadi Yang Berhormat Senator N. Marimuthu, kadangkala dalam ghairah kita membangunkan negara kita, terdapat kita lupa kepada nelayan, petani-pentani kecil yang berada di pinggir-pinggir kampung yang kais pagi makan pagi. Kita perlu membantu mereka dari segi teknikal dan sebagainya. Kalau kita perlukan subsidi, kita teruskan. Saya rasa subsidi ini perlu kita beri dari semasa ke semasa. Walaupun kadangkala subsidi ini merupakan bukanlah amalan yang baik, tetapi mahu tidak mahu kita terus terpaksa meneruskan amalan subsidi ini.

Dalam aspek kemiskinan ini kita juga jangan lupa keperluan rumah murah yang pada Rancangan Malaysia Keenam kita telah membangunkan 647,000 buah. Akan tetapi sekarang kita lihat masih banyak rakyat kita yang tidak mempunyai rumah, terutama golongan pendapatan yang kecil. Mereka ini amat dahaga dari semasa ke semasa untuk menikmati rumah yang agak selesa. Dengan hal demikian, saya rasa pihak kerajaan perlu tegas terhadap pemaju-pemaju perumahan mahupun di swasta dan di pihak kerajaan negeri. Pastikan mereka ini membangunkan rancangan rumah murah ini tidak kurang daripada 4%. Dan begitu juga untuk mengatasi masalah ini, saya rasa pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja harus memainkan peranan penting dan tidak payah tunggu masa yang lama, laksanakan dengan segera pada tiap-tiap negeri. Apa yang kita lihat baru-baru ini hanya bertempat di tiga buah negeri sahaja dibangunkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Saya rasa kerana kewangan mereka mampan, dana mereka yang cukup, saya rasa hanya masa sahaja yang diperlukan. Rundinglah dengan kerajaan negeri, saya rasa tiap-tiap kerajaan negeri bersedia membantu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk melaksanakan dasar-dasar perumahan. Kerana dengan adanya pertolongan di setiap institusi, mahupun KWSP dan swasta dan sebagainya dari Perbadanan Kemajuan Negeri, saya rasa masalah rumah murah akan kita dapat kita atasi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, insya-Allah, saya percaya.

Dalam memesatkan transformasi ekonomi, menggalakkan industri bersepadu, kita lihat negara kita begitu maju dalam industri. Akan tetapi banyak lagi teknologi-teknologi yang perlu kita harapkan daripada pakar-pakar luar negara. Dengan hal demikian, saya rasa kerajaan dan kementerian harus

mengambil perhatian telah terhadap teknologi-teknologi ini, terutama negara-negara yang berjanji kepada kita bahawa pemindahan teknologi ini akan dilaksanakan, tetapi hasilnya amat menyedihkan kita pada hari ini.

Transformasi teknologi ini masih tidak dilakukan dengan begitu sempurna mengikut tahap yang dikehendaki, terutama negara Jepun yang begitu beria-ia sangat pada awalnya untuk memindahkan teknologi-teknologi mereka ke negara kita, tetapi hanya satu dua syarikat sahaja. Kita lenyap dengan Fujitsu, kita lenyap dengan Toshiba dan sebagainya yang mengandungi hi-tech paling canggih. Akan tetapi mereka masih menyimpan teknologi itu di negara mereka. Sepatutnya teknologi-tenologi ini dipindahkan ke negara kita. Kita faham dan tahu dan mereka tak perlu sorokan perkara ini. Kita jelas kerana kita juga mendapat bekalan-bekalan maklumat daripada negara-negara yang berkenaan.

Kita harus berwaspada, dalam mereka menjanjikan janji-janji yang manis seperti madu, kita harus berhati-hati terhadap negara-negara yang sedemikian. Kadangkala kita terlalu murah dan kita terlalu bertolak ansur dan terlalu bertoleransi. Dalam perkara ini saya rasa, kadangkala kita tidak boleh berkompromi, kerana kita perlu menuntut apa yang mereka janjikan. Kalau tidak, Malaysia gagal untuk menuju ke Wawasan 2020 kerana teknologi maklumat akan berjalan dan akan menuju ke arah - kita lihat sekarang teknologi maklumat merupakan satu peranan yang penting, tetapi apabila kita tidak mengkaji dan memiliki teknologi-teknologi ini, saya rasa kita hanya merupakan satu negara pembeli sahaja, bukan pengeluar dalam teknologi maklumat ini.

Saya rasa, teknologi maklumat atau lebu ray maklumat ini merupakan peranan penting dalam era kita membangunkan ekonomi dan industri kita yang merupakan satu daya yang perlu kita miliki untuk negara kita yang kita kasihi. Saya ingin mengambil perhatian Dewan ini, di satu hari nanti, pada abad 2020 berkemungkinan anak-anak kita yang pergi ke sekolah, tidak perlu lagi bawa buku dan tidak perlu lagi bawa pensel dan tidak perlu lagi bawa pen. Mereka

sampai sahaja sekolah dibekalkan komputer dan di dalam komputer itulah buku dan itulah kertas. Mereka ini akan menghadapi screen - mengkaji dan belajar melalui screen. Ini akan berlaku. Di zaman dahulu, anak-anak yang lahir dalam tahun 30-an dan 40-an membawa papan batu, lepas itu darjah 4 atau darjah 5 tukar buku, dan dalam tahun 2020 saya rasa buku tidak begitu memainkan peranan yang penting dalam era pendidikan. Yang penting ialah teknologi-teknologi canggih ini untuk kita bawa, untuk kita ajar kepada anak-anak kita di dalam pendidikan. Saya percaya, kita akan lihat, kalau umur kita panjang, ini adalah satu kenyataan yang akan berlaku nanti. Dan dari situlah, daripada hari ini kerajaan dan juga pihak kementerian yang berkenaan harus mengambil kira dan melangkah menuju ke arah 2020 ini. Kita jangan hanya bercakap menuju ke Wawasan 2020, tetapi kita tidak tahu arah mana jalan yang harus kita tuju dan tujuan mana yang baik untuk diri kita.

Saya ingin menyentuh tentang ekuiti saham bumiputera dalam sektor korporat. Memang saya setuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita awasi terutama penyertaan bumiputera di dalam korporat. Meskipun kerajaan telah memperuntukkan 30% dalam ekuiti saham-saham bumiputera di dalam korporat-korporat, akan tetapi pada hakikat sebenarnya, kalau kita lihat daripada pendaftaran-pendaftaran saham ini kadang-kadang 30% ini telah pun terhakis. Amat menyedihkan, prestasi ini tidak dapat dikekalkan. Dengan hal demikian, saya rasa kementerian harus prihatin terhadap perkara ini supaya status bumiputera, ekuiti bumiputera di dalam

syarikat yang berkenaan dikekalkan dari masa ke semasa, barulah kita katakan ini hakikat yang sebenarnya. Kerana kadangkala apabila kita sebut sahaja ekuiti bumiputera, sebutan sahaja ada, nada sahaja yang baik, irama sahaja yang bagus, akan tetapi hakikat sebenarnya memang tidak ada. Kita perlu kekalkan, kita tidak perlu abaikan.

Saya ingin menyentuh balik mengenai perumahan-perumahan terutama - saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus peka terhadap perkara ini bila menjalankan Dasar Perumahan Negara dan begitu juga Dasar Rumah Murah. Kadangkala saya amat hairan, saya telah semak perkara ini dan saya buat kaji selidik di satu-satu rancangan perumahan yang dibangunkan oleh swasta. Belum pun tiang tertegak, apabila saya kata ada pembeli hendak beli di bawah peruntukan bumiputera, pemaju yang berkenaan kata sudah habis, telah pun dijual. Saya kata, "jual kepada siapa?" Saya lihat, tidak ada satu bumiputera pun di dalamnya. Dia kata, "telah pun diiklankan selama 3 kali dalam akhbar tetapi tidak ada pembeli". Dengan hal yang demikian, terutamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasakan perlu kita tubuhkan satu tabung untuk membeli rumah yang sedemikian, yang diperuntukkan kepada bumiputera dan kita jual kembali kepada bumiputera yang inginkan rumah.

Kadangkala pada saat yang diiklankan itu ada golongan-golongan pembeli yang tidak terbacakan iklan yang sedemikian dan kadangkala mereka tidak ada kewangan yang cukup untuk memberi wang pendahuluan. Dengan

demikian, saya rasa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu menubuhkan satu tabung membeli rumah yang diperuntukkan untuk bumiputera ini dan rumah ini dijual kelak kepada pembeli-pembeli bumiputera supaya mengekalkan status 30% bumiputera ini wujud dalam perumahan-perumahan negara. Kadangkala saya kurang puas hati dengan pemaju-pemaju perumahan swasta. Mereka ini mengambil kesempatan, mereka terlalu ghairah untuk membuat keuntungan tanpa memikirkan dasar-dasar kerajaan.

Apabila mereka sudah iklankan 3 kali dengan hanya melepaskan batuk di tangga, selepas itu mereka menulis surat kepada kementerian, minta pelepasan untuk menjualkan rumah-rumah yang demikian. Perkara ini berlaku di Selangor, berlaku di Wilayah Persekutuan, berlaku di negeri Perak, berlaku di Pulau Pinang, berlaku di Johor, tetapi di Johor, Alhamdulillah kerajaan negerinya peka di mana rumah-rumah yang sedemikian diambil alih oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor. Saya berharap, perkara ini di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini tidak berlaku. Yang diperuntukkan untuk bumiputera, tetap untuk bumiputera, bukan untuk dijualkan kepada bukan bumiputera. Ikhlas saya katakan pada petang ini, kita perlu prihatin terhadap hal yang sedemikian.

Saya juga tertarik hati apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyarankan pengurangan tenaga buruh, menambah teknologi baru dengan menggunakan robotik dan sebagainya dan begitu juga meningkatkan tenaga wanita di dalam pengeluaran-pengeluaran negara terutama dalam bidang

swasta. Ini amat memberangsangkan bahawa dalam grand design kita di dalam bidang ekonomi, buruh memainkan peranan penting untuk membangunkan ekonomi kita di bidang perindustrian.

Kita lihat sekarang, wanita memainkan peranan penting, kadangkala mereka terpaksa meninggalkan keluarga pada awal pagi, naik bas kilang terus ke kilang, balik sudah jauh petang, tinggalkan anak yang masih perlu dijaga dan diberi belaian kasih sayang. Kita harus berbangga kepada kaum wanita kerana sumbangan mereka yang amat baik kepada pembangunan negara. Akan tetapi kalau kita bergantung kepada wanita sahaja, tanpa kita mengirakan alih-alihan yang lain yang perlu kita pertimbangkan, fikirkan, misalnya kalau dari segi kilang, kita perlu meningkatkan jentera-jentera yang berautomatik atau berteknologi tinggi yang tidak perlukan tenaga buruh yang lebih.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini apabila sebentar tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menyarankan untuk menjaga alam sekitar. Alam sekitar merupakan peranan penting dalam kehidupan kita seharian. Kita lihat kilang-kilang tidak dapat dinafikan mencemarkan alam sekitar, pelbagai bentuk buangan, toksik dan sebagainya berleluasa di negara kita tanpa diambil perhatian yang segera. Meskipun laporan-laporan daripada orang awam, orang kampung, penduduk-penduduk setempat tetapi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak begitu mengambil kisah yang serius untuk mengheret mereka ini ke mahkamah.

Saya lihat beberapa batang sungai terutamanya di negeri Perak terhakis dan juga dipadatkan oleh buangan-buangan sisa daripada industri-industri. Mereka ini tidak ada pembuangan yang khusus. Dengan hal yang demikian, kerajaan tempatan melalui majlis-majlis daerah mereka harus peka terhadap masalah ini dan segala usaha dan rancangan yang diadakan harus dipercepatkan terutama cadangan untuk tempat membuang sisa toksik dan sebagainya.

Sekarang yang saya tahu dirancangan di Nilai sama ada telah dibangunkan atau tidak, ini perlu kita beri perhatian yang serius dan begitu juga kepada pembangunan hutan negara. Hutan negara merupakan sumber alam yang paling baik dan juga di situlah tempatnya pemeliharaan alam sekitar kita perlu diberi tekanan yang lebih serius.

Saya mengambil perhatian ini terutamanya, saya mengucapkan tahniah kepada FRIM atau Pusat Penyelidikan Hutan Malaysia yang mengambil daya usaha yang baik, yang membuat penyelidikan dan membangunkan hutan negara akan tetapi kadangkala kerajaan terlupa apabila mereka mengeluarkan permit-permit menebang hutan, kita tak usah sebutlah negeri mana, umpamanya Sabah, Sarawak, Perak, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan dan sebagainya, catuan tahunan negeri yang berkenaan katakan 30,000 hektar. Kita keluarkan permit pada tahunannya, akan tetapi pemulihan hutan hanya dilakukan 10%. 30,000 hektar hanya cuma 3,000 hektar sahaja, sedangkan cukai ses setiap negeri mengutip mengikut permit yang berkenaan dan cukai ses ini disimpan oleh pihak kerajaan tanpa digunakan dengan baik.

Kalau katakan sepuluh tahun kita tebang hutan negara kita 30,000 hektar bagi setiap negeri katakan mengikut catuan, 10 tahun sudah 300,000 hektar, sedangkan pembangunan dalam masa 10 tahun cuma 30,000 hektar. Bagaimanakah satu pusingan 50 tahun ataupun 'next round', dengan izin untuk menebang dapat dilaksanakan kerana pembangunan ini amat perlu.

Saya lihat di Sabah dan Sarawak juga pemulihan hutan ini atau replanting dan sebagainya amat mengecewakan dan menyedihkan kerana hasil negara bertumpu kepada hasil hutan juga sebahagiannya tetapi pembangunan hutan dan begitu juga ITO, tabung ITO kita mempunyai beribu-ribu juta. ITO merupakan satu badan yang menjaga hutan tropika. Tabung-tabung ITO ini patut dipergunakan untuk negara kita, membangunkan hutan negara kita. Kalau kita tanam dengan satu jenis spesis pun sudah cukup bumi kita hijau dan subur.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat melalui lebuhraya dari selatan ke utara, lepas sahaja Sungai Buloh kita lihat akar siam minggir, spesis ini tumbuh dengan hijau dan spesis ini kita boleh buat perabut akan datang, akan tetapi hanya sekadar itu sahajalah yang ada kita lihat.

Saya dapati di Sabah juga ada pembangunan yang demikian tetapi tidak begitu mencukupi pada jangka masa 50 tahun yang akan datang kerana tebangannya kita melebihi apa yang kita rawat pada setiap tahun. Dengan hal yang demikian, pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh harus menekankan memelihara hutan negara kerana hutan merupakan sumber ekonomi kita. Kita mendapat saingan dan mendapat bantahan daripada negara-

negara Eropah dan sebagainya, begitu juga Green Peace bagaimana kita sewenang-wenangnya menebang hutan negara, kadangkala kita terfikir kepada diri kita sendiri, perkara ini adalah benar, kerana apabila kita lihat sahaja setiap negeri katakan, catuannya 100% tetapi pemulihannya 10%. Bayangkanlah 10% pemulihan saya rasa untuk 50 tahun yang akan datang tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak negara dan dengan itu juga kita akan mengalami pencerobohan alam sekitar kita yang maha dahsyat.

Kita tidak dapat lari, sebab itulah negara kita sekarang, kita terasa amat panas bahangnya kalau dibandingkan dengan 20 tahun yang lalu, kerana hutan-hutan kita ditebang dan tidak begitu dipulihkan mengikut jadual-jadual yang dirancangkan dan banyak sumber yang harus kita bangunkan dalam hutan negara kita ini. Dari segi rotannya, penyelidikannya dan sebagainya, bukan sahaja pokoknya boleh dimanfaatkan untuk kegunaan industri dan sebagainya, sebagaimana yang Ahli-ahli Dewan faham bahawa sumber-sumber hutan juga memainkan peranan penting dari segi membekalkan segala bentuk perubatan dan ini perlu kita kaji dan perlu kita realitikan supaya hasil-hasil negara dapat kita manfaatkan bersama.

Buat akhirnya saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa pengangkutan memainkan peranan penting di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, RM15 bilion peruntukan di dalam membangunkan pengangkutan. Di dalam membangunkan pengangkutan ini, kita lihat kadangkala pengangkutan-pengangkutan ini tidak begitu mendapat perhatian yang serius kepada pembangunan. Kita lihat sahaja Kontena Nasional, kontena kita sudah tidak

begitu ada tempat untuk kita simpan terutama di Lembah Kelang merupakan satu ancaman kepada penduduk setempat, kadang-kadang kontena ini kita lihat diletakkan bertaburan di celah-celah kampung, saya rasa semua orang tahu.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini harus ditekankan juga bahawa pengangkutan kontena ini perlu kita perhatikan supaya tidak berlaku demikian, depot-depot yang lebih besar harus dibangunkan bagi membolehkan kontena-kontena ini ditempatkan dengan tempat yang lebih selesa dan tidak mengganggu penduduk-penduduk setempat dan juga penglihatan umum kerana kita lihat dahulu di persekitaran Kontena Nasional, tempatnya sudah penuh kerana negara kita ini saya rasakan bahan tempat longgokan kontena-kontena buruk kerana negara kita banyak mengimport.

Jadi, kontena ini dibawa dari negeri luar dan perbezaan (gap), dengan izin, di antara eksport dan import kita adalah berlainan, import kita terlalu banyak. Kontena ini kadangkala terlebih banyak masuk, sebab kita banyak membawa barang import, sedangkan penggunaan kontena untuk eksport berkurangan. Jadi, berlakulah penggunaan kontena di dalam negara kita secara berlebihan.

Saya dapati bukan sahaja di Lembah Klang, di Pulau Pinang juga berlaku pada masa sekarang dan kemungkinan Johor, jadi kerajaan haruslah peka terhadap perkara ini bagi menempatkan kontena-kontena ini, di depoh-depoh supaya dapat menyelesaikan perkara ini dengan lebih baik.

Begitu juga saya rasakan pihak kerajaan perlu menimbangkan permit-permit dari swasta untuk mendirikan dry container terminal. Kalau di Ipoh ada Ipoh Container Terminal (ICT) ataupun pelabuhan darat harus diperbanyakkan. Saya rasa di sebelah utara negara kita seperti Kedah dan Perlis haruslah diberi peluang untuk kontena terminal ini, iaitu pelabuhan darat, kerana ini akan

memudahkan pihak industri untuk mengimport dan mengeksport barang-barang, juga saya rasa di Kota Bharu, di Pantai Timur sama ada Terengganu atau Kelantan harus diberi perhatian, dry container juga perlu kita beri tempat dan juga pertimbangan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan saya pada petang ini, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Janggu Anak Banyang, silakan.

**4.52 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ucapan terima kasih dan tahniah atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6hb. Mei 1996, yang diperuntukkan sebanyak RM67.5 bilion sudah dikhaskan untuk rancangan pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada kerajaan bagi memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk pembangunan di Sarawak terutama di luar bandar seperti di daerah-daerah kecil

pedalaman, ini bagi membawa pembangunan ke luar bandar yang memerlukan keadaan infrastruktur yang terkini dan moden.

Kita sedia maklum kebanyakan penduduk luar bandar dan pedalaman yang ketinggalan dalam banyak sektor pembangunan, umpamanya dalam sektor pendidikan. Kita harus memberi pertimbangan lebih-lebih lagi kepada sektor persekolahan atau pendidikan terutamanya ke dalam bidang pendidikan di kawasan pedalaman. Oleh itu, kita sedia maklum setakat ini kebanyakan sekolah di kawasan pedalaman tidak dibekalkan elektrik, oleh itu tempat-tempat persekolahan tidak mampu untuk menggunakan komputer seperti yang selalu kita katakan.

Saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk memberi perhatian yang serius kepada bekalan elektrik untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman masing-masing, terutama sekali di negeri Sarawak dan negeri-negeri lain yang tidak mendapat bekalan elektrik untuk digunakan oleh sekolah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sektor yang perlu diberi perhatian ialah dalam pembangunan tanah. Kita sedia maklum negeri Sarawak yang besar kebanyakan tanahnya tidak diterokai, tetapi bukan semua tanah akan kita dapat gunakan atau dibangunkan oleh kerana berbukit yang tinggi, kawasan yang tidak ada infrastruktur yang lebih moden atau infrastruktur yang kita perlukan. Tetapi terdapat kawasan-kawasan tanah yang harus kita bangunkan, kawasan-kawasan yang terdekat atau di luar bandar dengan pembangunan infrastruktur

yang teratur, pembangunan yang sudah tentu akan dapat dibawa ke kawasan tertentu. Kawasan-kawasan hutan yang tidak diterokai mestilah dibangunkan dengan pelan pembangunan tanah yang teratur.

Sepertimana kita maklum estet-estet kelapa sawit, koko dan lain-lain ini mesti dijalankan dengan kerjasama bukan hanya dengan kerajaan tetapi dengan syarikat-syarikat peladang yang besar dan lain-lain juga. Ini juga akan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik dengan peruntukan yang telah diagihkan pada sektor kesihatan yang sebanyak RM2.6 bilion telah diluluskan oleh sektor tersebut dan 16 buah hospital akan didirikan termasuk di Bintulu, Putrajaya, Slim River, Ampang dan Sungai Buluh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan tentang masalah kesihatan rakyat di negeri ini. Tetapi kita jangan lupa sumber pusat kesihatan kita telah sedia maklum, lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman tidak dapat menikmati pusat kesihatan setaraf dengan pusat kesihatan di bandar-bandar. Ini kita akan mengambil kira juga kerana kebanyakan pesakit-pesakit di kawasan pedalaman yang datang untuk meminta rawatan di luar bandar tetapi tidak cukup kemudahan-kemudahan untuk digunakan bagi merawat mereka atau persakit-pesakit itu.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyeru kepada pihak kerajaan untuk menambahkan atau memberi kemudahan-kemudahan yang lebih

lengkap seperti ubat-ubat dan alat-alat lain yang diperlukan untuk merawat pesakit-pesakit yang datang dari luar bandar.

Bukan kita hanya memberi perhatian kepada luar bandar, tetapi pendatang dari luar bandar tidak mampu membayar tambang mereka, lebih-lebih lagi ke bandar oleh kerana masalah kekurangan kenderaan untuk digunakan mereka menghantar pesakit-pesakit ke rumah kesihatan itu. Oleh sebab itu, saya berharap kerajaan dengan peruntukan yang sedemikian memberi perhatian yang lebih serius kepada perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai kita akan menswastakan hospital-hospital. Tetapi saya rasa khuatir kerana walaupun kerajaan akan memberi subsidi atau peruntukan kepada mereka yang tidak mampu membayar rawatan mereka, tetapi kebanyakan pesakit dari luar bandar tidak faham dengan pembayaran atau subsidi yang akan diberi oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya akan menyentuh dengan hal pertanian. Kebanyakan kita telah menyebut kita akan membangunkan negara kita dengan industri-industri menggunakan alat-alat elektronik. Tetapi saya lihat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, perhatian kepada pertanian untuk makanan tidak diberikan perhatian dengan serius. Kita sedia maklum sekarang kita akan sampai ke abad ke-21. Saya harap pihak kerajaan akan memberi perhatian yang serius, oleh kerana kita akan menjangkau ke abad ke-21, makanan di negara kita ini akan kurang. Oleh itu, saya merayu kepada pihak berkenaan untuk meneliti dan mengkaji lebih mendalam dengan pertanian kita. Oleh kerana kita lebih tahu setakat ini kita kekurangan beras, kita hanya mendapat beras dari sumber luar dari negara-negara lain. Oleh itu, jikalau mereka tidak mahu menjual beras kepada negara kita, bagaimana kita hendak makan nanti. Oleh kerana kebanyakan tanah kita patut kita kaji semula untuk kita menanam tanaman seperti padi, dengan izin, 'swamp and wet paddy' yang sekarang sudah ada di negeri Kedah yang saya ketahui dan di negeri-negeri lain, tetapi kita patut tumpukan penanaman padi ini di negeri Sarawak juga untuk menambahkan makanan kita pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam industri kecil. Industri kecil ini kita harus bukan hanya ditumbuhkan atau dibangunkan di bandar-bandar sahaja. Tetapi kita ambil kira di luar bandar yang sesuai untuk kita bangunkan bagi industri-industri kecil, seperti industri kraftangan, industri makanan dan lain-lain lagi. Ini untuk mengelakkan tenaga-tenaga buruh. Lebih-lebih lagi

mereka dari pedalaman yang selalu berhijrah ke bandar mencari rezeki yang lumayan. Jikalau kerajaan menubuhkan atau membangun industri kecil seperti ini di kawasan luar bandar, mungkin penghijrahan mereka tidak harus pergi ke bandar sahaja.

Saya tahu kita akan kekurangan pekerjaan berintensif buruh. Tetapi pekerjaan berintensif buruh ini mungkin kadangkala kita melihat dengan gaya kerja-kerja yang mereka minati. Jikalau kerja-kerja yang tidak menggunakan kemahiran, iaitu buruh kasar, kita melihat kekurangan mereka hendak terlibat dalam bidang pekerjaan itu. Tetapi kita melihat dalam pekerjaan buruh dalam sektor elektronik, kebanyakan wanita lebih banyak mengambil dalam sektor itu. Tetapi orang dewasa lain mungkin tidak mahu mencebur diri dalam bidang ini, oleh kerana mereka fikirkan dan menganggap ini untuk wanita sahaja. Tetapi kalau kita melihat kerja-kerja dalam sektor elektronik orang lelaki pun boleh mencebur diri di dalam kegiatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dalam pembangunan luar bandar juga. Pembangunan luar bandar juga kita harus sediakan dengan kemudahan rekreasi yang selalu diabaikan. Kebanyakan rakyat luar bandar tidak mengetahui tentang kegunaan kemudahan rekreasi. Saya percaya semua rakyat berhak menikmati pembangunan yang Malaysia telah capai. Kemudahan tersebut bukan sahaja untuk memberi kesenangan kepada penduduk setempat, malah boleh mendatangkan pekerjaan bagi mereka. Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk promosikan ecotourisme yang kian popular bagi pelancong dari luar negeri.

Saya percaya pendapatan dari pelancong dalam negeri dapat ditingkatkan, iaitu melepasi pendapatan yang diperolehi dalam semua kemudahan tersebut dipertingkatkan. Di samping itu, rakyat Malaysia akan berbangga dengan keindahan negara sendiri dengan melancong di dalam negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin sekali lagi menyokong pembentangan usul untuk memberi penambahan sebanyak satu lagi kerusi Parlimen dan 6 kerusi Dewan Undangan Negeri di Sarawak, memandangkan keluasan sesuatu kawasan yang terdapat di Sarawak adalah amat perlu dipecahkan kepada beberapa kawasan lagi untuk memudahkan supaya pembangunan dapat diperluaskan khasnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**5.10 ptg,**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas keizinanNya juga saya dan rakan saya dapat diberi peluang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia, kita berbangga kerana semenjak kita merdeka sehingga kini, kita telah mencapai dan mengecap pelbagai nikmat pembangunan dan keamanan sejagat. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita yang kita kasihi, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad serta Timbalannya Dato' Sri Anwar Ibrahim, kesinambungan pembangunan ini dapat diteruskan melalui pelbagai dasar dan rancangan. Rancangan Malaysia Ketujuh adalah lanjutan dasar untuk mengisi kemerdekaan serta sebagai alat untuk menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan kepada rakyat serta ekonomi Malaysia. Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk mempertingkatkan pertumbuhan serta pengeluaran supaya mencapai perubahan bentuk ekonomi serta pembangunan yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada kerajaan serta pegawai dan kakitangan kementerian yang telah bersungguh-sungguh bersama dengan kerajaan untuk menyediakan Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, antara lain, matlamatnya ialah kita tahu yang penting sekali ialah untuk mengurangkan peratus kemiskinan kepada 5.5% pada tahun 2000. Kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995, manakala bilangan ini, isi rumah miskin telah juga berkurangan daripada 574,000 kepada 372,000 orang. Program-program membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat yang telah pun diperkenalkan dalam Dasar Ekonomi Baru

dahulu yang kita harapkan akan diperkukuhkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Ini dapat dilakukan dan dapat menambah lagi keberkesanan program itu dalam mencapai matlamat dan sasaran, pengagihan termasuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan kumpulan sasaran serta memperbaiki corak agihan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak ada sebilangan kecil yang kaya dan ada sebilangan besar yang miskin, kita hendak kalau boleh tidak ada yang miskin sangat dan semua pendapatan simiskin dapat dipertingkatkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu serius dalam kita memastikan kumpulan sasar dalam program ini berjaya untuk mengeluarkan masyarakat kita dari belunggu kemiskinan yang telah pun menghantui mereka sejak bertahun-tahun dahulu. Golongan miskin seperti para petani yang menjadi sasaran kita di kawasan pedalaman perlu sangat diberi perhatian. Hasil pertanian tidak dapat tidak amat perlu bukan sahaja bagi memenuhi keperluan semasa, malah sebagai kemungkinan menghadapi keadaan-keadaan sukar di masa hadapan. Saya pernah berucap di Dewan yang mulia Dewan Undangan Negeri Pahang, 10 tahun dahulu bahawa keperluan pertanian seperti beras amat perlu di negara kita ini. Kita tidak boleh biarkan petani-petani untuk berhenti dari mengusahakan sawah padinya. Kita mesti ada lebih kurang 10% daripada kegiatan ekonomi yang berbentuk pertanian datangnya dari sawah padi, sebab

jikalau berlaku satu kemalangan, satu malapetaka yang kita tidak dapat elakkan seperti pernah berlaku pada peperangan dunia yang kedua, di mana kebanyakan kita di sini tidak ada lagi. Tuan Yang di-Pertua kemungkinan berumur 5 tahun pada masa itu, ataupun belum ada lagi, tetapi pada masa itu umur saya 5 tahun dan saya masih ingat lagi apa yang berlaku pada masa itu. Dalam kepala saya macam semalam sahaja perkara itu baru berlaku.

Pernah saya makan beras yang bercampur dengan kapur, batuk tiap-tiap hari, tetapi apa boleh buat. Selain dari beras yang bercampur kapur saya pernah makan jagung, saya pernah makan ubi kayu, ubi keledek, sayur-sayuran di hutan-hutan untuk menampung keperluan harian saya, ibu bapa dan juga adik-beradik saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memikirkan keadaan itu barulah kita tahu bahawa kita patut ada sawah-sawah di kampung-kampung yang pada masa itu askar-askar Jepun tidak dapat lagi masuk ke kampung-kampung ini disebabkan kampung-kampung ini tersepit di celah-celah dalam hutan dan sebagainya. Ada juga orang-orang kampung yang di dalam hutan dapat membuat sawah padi dengan tidak ada halangan. Oleh itu, penanaman padi ini patutlah dipertingkatkan dan saya ucapkan terima kasih bahawa kerajaan sedar penanaman padi ini patut dipertingkatkan, sebab banyak sangat tanah sekarang ini telah ditukar syarat untuk menjadi kawasan perindustrian dan kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, di samping teknik-teknik pertanian yang moden yang kita ada, jentera-jentera moden juga harus dibekalkan kepada mereka sepertimana yang kita bekalkan sekarang ini. Namun kita maklum, jentera-jentera ini memakan belanja yang besar dan petani kita tidak mampu memilikinya secara individu. Itulah satu daripada sebabnya petani-petani tidak hendak pergi ke sawah menggunakan tenaga fizikal mereka untuk bekerja. Adalah diharapkan jentera-jentera ini dapat disalurkan melalui badan-badan pertanian seperti yang telah pun dibuat oleh kerajaan tempoh hari seperti koperasi, badan-badan pertanian dan agensi-agensi kerajaan.

Bank-bank perdagangan, terutamanya Bank Pertanian harus menyediakan peruntukan pinjaman dengan kaedah bayaran balik yang mudah serta faedah yang minimum agar pemilikan jentera-jentera ini tidak terbantut dan kita patut mengadakan lebih banyak lagi bank-bank pertanian yang kecil-kecil, diadakan dikampung-kampung. Bank-bank Pertanian yang kecil-kecil ini hendaklah dikendalikan oleh dua, tiga orang sahaja - seorang pegawai, seorang kerani dan seorang budak pejabat. Bank-bank pertanian kecil ini diadakan di kampung-kampung supaya senang petani-petani pergi ke bank-bank ini untuk meminjam duit yang tidak lebih daripada RM2,000 dengan tidak ada cagaran untuk mendapat pinjaman ini bagi mengelolakan sawah-sawah padi dan juga untuk tanaman-tanaman sayur yang dikehendaki dari masa ke semasa dan syarat pinjaman ini mestilah dilonggarkan. Bank-bank kecil ini menjadi satu tempat yang petani-petani suka pergi untuk meminjam duit dengan tidak segan-silu.

Untuk itu juga, sektor pertanian telah diperuntukkan sebanyak RM7.57 bilion di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, ini adalah satu peuntukan yang besar dan diharapkan wang ini dapat digunakan untuk faedah petani. Di sini penekanan perlu diberi juga kepada research and development (R&D), dengan izin, para petani melalui R&D harus diberi peluang untuk mempelbagaikan hasil bagi setiap keluarannya, kita tidak mahu hasil-hasil petani cuma dijual di pasar-pasar tani sahaja seperti yang berlaku sekarang ini, sepanjang jalan daripada sini ke Kuantan, daripada sini ke Melaka, kita boleh dapati banyak petani-petani yang ada di pasar tani malam dan siang di mana banyak keluaran-keluaran yang dibawa daripada kampung-kampung. Hasil-hasil petani perlu dipelbagaikan agar ia dapat dijual dan dieksport keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu hasil pertanian banyak dijual dalam bentuk mentah, kita mengharapkan ia akan dipelbagaikan, contohnya dalam bentuk kek misalnya, kita perbanyakkan lagi, bentuk ais krim, biskut, sos yang sekarang ini ada dibuat di kampung-kampung khususnya oleh Kemas dan lain-lain yang boleh dipasarkan secara komersil. Ini diharapkan dapat meningkatkan pendapatan para petani ke paras yang memuaskan.

Badan-badan penyelidikan seperti FRIM, Mardi, PORIM perlu membantu dengan bersungguh-sungguh terutamanya kepada aktiviti memproses bagi merealisasikan kaedah pertanian secara moden ini. Dengan peruntukan

sebanyak RM7.57 bilion kita yakin ianya dapat dilaksanakan secara agresif dan menyeluruh.

Penyelidikan ke atas sayur-sayuran dan ulam yang suka sangat dimakan oleh orang-orang di kampung patut dibuatkan, contohnya macam keladi adalah sangat diminati oleh setengah orang apabila dicampur masak dengan tempoyak, tetapi adakah research dibuat kepada pokok keladi ini? Adakah pokok keladi ini sesuai walaupun ia gatal sedikit kadang-kadang, sesuai dimakan oleh orang-orang kampung.

Satu lagi research yang patut dibuat dan patut diiklankan dikeluarkan dalam surat khabar ialah ‘asing-asing’ ataupun cekur manis yang orang Melayu khususnya dan juga orang Cina di Malaysia ini suka sangat memakannya, tetapi adakah dikaji, adakah ‘asing-asing’ ini baik untuk kita makan? Adakah Tuan Yang di-Pertua pernah makan ‘asing-asing’ ini dan selepas itu berasa pening kepala? Adakah?

**Tuan Ding Seling:** Tak ada!

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tak ada?

**Tuan Ding Seling:** Apa itu ‘asing-asing’?

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** ‘Asing-asing’ ini cekur manis yang berwarna hijau, yang selalu buat sayur lemak, yang selalu kita buat sop, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba pun tak tahu. Adakah elok kita makan cekur manis atau ‘asing-asing’ ini? Cekur manis ini akan memberi

kepada kita apabila kita makan, keadaan pening kepala, kita berasa hendak demam dan pembesaran anak-anak akan menjadi bantut.

Tuan Yang di-Pertua, ‘bantut’ maknanya dia tidak cepat membesar, kalau dia membesar pun dia tidak begitu tinggi seperti orang-orang Eropah, adakah satu kajian dibuat?

Saya tahu perkara ini tetapi secara tidak rasmi, semasa saya belajar dahulu di London ada kawan saya dia membuat doctorate dari segi makanan dan dia menceritakan kepada saya ‘asing-asing’ ini telah pun diuji kepada tikus dan tikus itu lambat besar. Adakah kerajaan membuat kajian? Kalau tidak, patut kerajaan membuat kajian sekarang ini juga disebabkan ‘asing-asing’ ini adalah satu jenis sayuran yang sedap dimakan tetapi akibatnya kemungkinannya tidak menyeronokkan Yang Berhormat termasuk Timbalan Menteri yang ada di hadapan itu, dia suka sangat makan ‘asing-asing’, saya tahu. Saya pun seronok, suka, minggu lepas saya sudah cuba, saya makan ‘asing-asing’, malam itu ....

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Dato’, badannya besar! [*Ketawa*]

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Fasal dia tak makan ‘asing-asing’ dahulu, dia terus makan roti dengan butter dan juga keju, dia tidak macam saya datang dari kampung dahulu, tetapi saya ini kebetulan.

**Tuan Ding Seling:** Maksud Dato’ tadi, kalau makan ‘asing-asing’ lebih awal?

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sebenarnya, saya ada benda lain yang saya makan yang melawan ‘asing-asing’ ini, [*Ketawa*] oleh itu

‘asing-asing’ ini baru seminggu lepas saya makan sayur ‘asing-asing’ di Bangsar, saya balik sahaja petang itu kepala saya pening terus. Saya rasa apa yang saya makan tadi? Saya tengok-tengok ‘asing-asing’ itu yang saya makan, saya hendak cuba lawan balik semula, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, itulah kemungkinan saya bercerita ini tak benar, kemungkinan Mardi akan memberi jawapan, ‘telah pun dibuat penyelidikan dan tidak ada apa-apa mudarat kepada sesiapa yang memakannya’, eloklah kalau macam itu. Tetapi kepada saya, saya menasihatkan buatlah kajian yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga petai dan juga jering. Saya difahamkan jering ini adalah elok untuk orang-orang yang mengidap kencing manis, sebab sekarang ini banyak sangat orang kena kencing manis, sebab keadaan makan kita sekarang ini tidak mengira, saya tidak tahu dalam Dewan inipun barangkali kalau saya tanya ramai yang mengidap kencing manis dan kencing manis ini amat merbahaya dan kerajaan telah pun membuat satu kaedah yang menyedarkan orang ramai.

Jadi, macam petai misalannya sedap sangat memakannya, tetapi adakah ini memberi satu mudarat? Jering adakah memberi satu mudarat kepada kita? Misalannya sukun, Tuan Yang di-Pertua tahu apa yang dikatakan sukun? Sukun ini ialah buah hijau yang besar, bila buat goreng sedap, buat pengat sedap, buat gulai sedap, minta maaf lah kerana saya ini bercerita orang kampung sedikit, kaedah di kampung. Yang Berhormat tidak datang daripada kampung, jadi, tak tahulah kaedah orang kampung. Jadi, saya hendak beri tahu kepada

Dewan yang mulia ini dari segi pertanian sebab kita ada peruntukan yang begitu banyak diperuntukkan kepada petani dari segi jabatan pertanian dan sebagainya. Sukun ini kalau kita lihat di sebelah Hulu Selangor ini banyak di tepi-tepi jalan itu, yang pokoknya berdaun besar itu. Tetapi di sebelah Pahang ini saya rasa payah betul hendak mendapat sukun ini.

Jadi, sukun ini cukup sedap, banyak yang boleh kita gunakan untuk pelbagai makanan, betul Yang Berhormat Puan Faridah? Ha, dia tak tahu juga, dia tidak pernah makan sukun pun, sebab sukun ini untuk orang-orang miskin sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mintalah kepada kerajaan melalui agensinya untuk membuat banyak kajian kepada sayur-sayuran yang keluar daripada kampung sebab saya tidak tahu kalau ada dibuat kajian pun saya tak tahu, sebab bila kajian dibuat, dibuat secara senyap-senyap sahaja, jadi hebohkanlah. Jika ada dibuat kajian, Mardi sila hebohkan sedikit, lebihkan sedikit sepertimana sekarang ini Sukma, Sukan Pahang yang akan diadakan mulai 1hb. Jun hingga 10hb. Jun, dihebahkan dalam radio, dalam TV kita boleh dengar, jadi maknanya kita boleh tahu bahawa Sukma akan diadakan di Pahang misalannya, lebihkan sedikit medianya macam itu.

Jadi, makanan-makanan ini lebihkan sedikit pemberituannya, sebab ini adalah satu perkara yang penting kepada rakyat Malaysia khususnya belia-belia dan pemuda-pemuda yang akan mengganti kita kelak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat beberapa skim untuk membantu rakyat termiskin, saya walau macam manapun minat sangat kepada luar bandar dan orang miskin ini. Jadi, antaranya ialah skim-skim seperti pinjaman yang kita ada seperti pinjaman ASB yang telah dilancarkan oleh kerajaan - bagus, Komipa yang ada di Pahang, Yayasan Pahang ada Komipa, Johor pun ada ASB Johor, banyaklah lagi yang diberi pinjaman sebanyak RM5,000 kepada golongan yang miskin yang layak. Ini saya rasa adalah satu tindakan yang bijak, adalah wajar jika peruntukan ini ditambah serta golongan sasarannya diperluaskan lagi.

Adalah baik jika pihak peminjam ini dibenarkan menerima bayaran dividen bagi tahun yang pertama agar boleh digunakan untuk perbelanjaan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa bangga di atas kejayaan Rancangan Malaysia Keenam, seperti yang kita tahu kejayaannya boleh menjadi 'batu loncatan' ataupun asas permulaan untuk kejayaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam kita telah menyaksikan kemajuan ekonomi yang cergas dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah 8.7%, melepasi sasaran akhir 8.1% dan sasaran asalnya adalah 7.5%. Pendapatan per kapita juga dijangka meningkat dari RM9,786 pada tahun 1995 kepada RM14,788 pada tahun 2000. Namun, kita

mengharapkan kenaikan ini memberi peningkatan dalam kuasa agar ia memberi makna kepada kenaikan tersebut.

Kadar inflasi harus dikawal bukan setakat barang kawalan, malahan barang-barang yang dianggap keperluan pada masa sekarang contohnya kereta dan hartanah. Pemilikan rakyat asing dalam hartanah perlu dikawal bagi memastikan harga hartanah berada dalam keadaan yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastan telah terbukti meningkatkan kecekapan pengurusan serta keuntungan entiti perniagaan. Ia telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi serta melibatkan kaum bumiputera di dalam sektor korporat.

Melalui penswastan kita telah menjimatkan belanja sebanyak RM72.8 bilion antara tahun 1983 ke tahun 1995. Bagi tahun 1990 ke tahun 1995 sahaja kita telah berjaya menjimatkan sebanyak RM51.6 bilion. Walaupun matlamat penswastan bukanlah bertujuan menghasilkan pendapatan bagi kerajaan, tetapi penjualan aset dan ekuiti telah menghasilkan banyak pendapatan iaitu RM0.3 bilion. Ini ditambah dengan cukai korporat yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menggalakkan bumiputera untuk memasuki dari segi korporat ini, saya suka mencadangkan bahawa pada masa hadapan ini, pengagihan atau pembahagian korporat hendaklah dibuat mengikut kebolehan korporat-korporat dan individu yang tertentu. Misalnya kita hendak memfrancaiskan banyak lagi syarikat dan saya harap syarikat-

syarikat yang gergasi ini tidaklah mengambil peluang bersama-sama dengan francais-francais kecil yang kita akan buat pada masa Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh terdapat juga beberapa badan yang akan diswastakan atau dikorporatkan. Antaranya kita tahu iaitu hospital-hospital khas akan dikorporatkan. Tuan Yang di-Pertua, macam hendak memberi satu tanda kepada saya, sama ada Tuan Yang di-Pertua, hendak berehat atau sebagainya?

**Tuan Ding Seling:** Tidak ada.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak ada.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Zuki.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil masa atau hendak berucap perlahan-lahan sedikit....

**Tuan Ding Seling:** Itu elok.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** ... supaya memberi peluang kepada rakan-rakan saya untuk memikir dengan mendalam lagi apa yang diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini, biarlah saya ini didahulukan, tetapi saya berucap lambat sedikit. Kalau saya cepat nanti, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar akan cepat bercakap, dia "hendak cakap besok" katanya, hendak rehat hari ini - barangkali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh saya kata tadi, kita dapati banyak badan khususnya hospital-hospital khas yang akan diswastakan. Tetapi kita berharap pengkorporatan hospital akan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tanpa membebankan rakyat dengan caj-caj yang terlalu tinggi, maklumlah apabila korporat itu mereka memikirkan keuntungan (profit orientated), dengan izin. Apabila buka sahaja buku tiap-tiap pengerusinya tengok 'hitam' ataupun 'merah', kalau hitam 'well done, very good', dengan izin. Kalau merah, how do you want to make money some more? By ways and means. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap orang Putih nanti tidak sedar pula, saya hendak bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sensitif dengan aspek-aspek yang membabitkan keperluan orang ramai, apa juga yang membabitkan orang ramai kita mesti sensitif khususnya hospital. Hospital ini melibatkan orang ramai, ramai orang yang akan menggunakan hospital termasuk Tuan Yang di-Pertua, juga, mudah-mudahan tidak, tetapi satu hari nanti. Sebab apa tidak pergi ke hospital? Tuan Yang di-Pertua, boleh pergi ke specialist centre, dengan izin, klinik khas yang harganya mahal yang boleh kita pergi barangkali termasuk juga Yang Berhormat yang lain. Tetapi orang kampung pergi ke hospital itu juga. Kalau kita swastakan dan naikkan cajnya ke mana orang kampung hendak pergi? Hendak pergi jumpa bomohkah? Hendak berubat sendirilah dengan menggunakan kayu-kayu, daun-daun atau akar-akar kayu yang terdapat di dalam hutan Yang Berhormat? Kita menggalakkan mereka untuk pergi ke

hospital. Jadi, apakah jaminan ataupun apakah kerajaan hendak meyakinkan bahawa hospital ini akan diswastakan, cajnya akan murah lagi dan perkhidmatan akan menjadi baik?

Saya tidak mahu hospital diswastakan kemudian diadakan syarikat-syarikat kecil sendiri yang dipegang oleh syarikat besar tadi untuk mengedalikan misalnya dobi atau laundry service. Begitu juga untuk mengadakan kantin di hospital itu untuk menjaga keselamatan di hospital misalnya. Semua ini dimasukkan dalam anak-anak syarikat yang diswastakan tadi. Oleh itu, patutlah kita agih-agihkan kerja-kerja yang akan dibuat oleh hospital ini kepada syarikat-syarikat yang boleh menjalankan tanggungjawab itu.

Kita tidak mahu kes-kes yang berlaku sekarang seperti IWK. Tuan Yang di-Pertua, tahu apa dia IWK bukan? Kerja belum dijalankan, tetapi bil sudah sampai, bilnya pula terlalu mahal. Oleh kerana kerajaan kita peka kepada perkara ini, kerajaan telah pun bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, misalannya lagi, begitu juga dengan lain entities seperti Pos Malaysia serta lebuhraya di Pantai Timur. Saya difahamkan projek itu telah pun diberi kepada satu syarikat dan kemungkinan konsortium yang hendak masuk iaitu Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Pahang untuk berbincang dengan syarikat yang telah pun diberi tanggungjawab untuk menjalankan lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Kuantan, Terengganu. Kalau saya tak salah ke bandar Kota Bahru teruslah masuk. Apabila mereka masuk Barisan Nasional esok kita memang teruslah ke Kota Bahru. Kalau tak masuk Barisan Nasional, saya pun tak tahulah. Kemungkinan terus juga, tetapi lambat sedikit. Kita dahulukan di Pahang dahulu, sebab penyokong kerajaan kuat di Pahang dan Terengganu, termasuk jugalah di negeri-negeri lain. Tetapi saya tumpukan kepada jalan tadi daripada

Kuala Lumpur diberi kepada syarikat MIC, kalau tak salah saya. Jadi, bumiputera tidak dapatlah kerja-kerja, bolehlah berbincang untuk mendapatkan kerja di dalam membina jalan lebuhraya daripada Kuantan ke Terengganu, Terengganu ke Kuantan, Kuantan ke Pahang, Pahang ke Kuala Lumpur.

Pembabitian bumiputera di dalam penswastaaan perlulah dilakukan dengan lebih bersungguhsungguh. Kita tidak mahu kehadiran mereka hanya setakat mencukupkan syarat sahaja. Kita tidak hendak bumiputera di'Ali Baba'kan. Kita tidak hendak bumiputera masuk sahaja tak tahu apa yang berlaku di dalam syarikat itu. Kita hendak bumiputera mesti berkecimpung sekali dengan rakan-rakan lain dalam sesebuah syarikat itu dan tahu apa yang berlaku dalam syarikat itu. Bermaknanya kita mesti mengambil tahu, seperti juga yang dibuat oleh sesetengah individu, dia tahu apa yang berlaku dalam syarikatnya. Tetapi kebanyakan bumiputera tidak tahu apa yang berlaku dalam syarikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu keadaan mereka hanya setakat mencukupi syarat tadi. Sepertimana yang saya kata tadi, mereka perlu membabitkan diri secara aktif dalam syarikat-syarikat di mana bumiputera ada di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh menjanjikan pelbagai peluang pelaburan. Apa yang kita harapkan pembabitian semua pihak untuk menikmatinya, bukannya satu pihak sahaja, kita hendak semua pihak yang minat dalam usaha syarikat perniagaan dapat menikmatinya. Para usahawan kecil perlu diberi peluang dan juga dilindungi agar terus dapat bersaing. Manakala syarikat-syarikat gergasi perlu lebih menumpukan pelaburan di luar negara serta tidak lupa tanggungjawab sosialnya dalam membimbing usahawan-usahawan kecil sebagaimana kerajaan membimbing mereka dahulu melalui peluang-peluang serta pendedahan yang bermakna.

Bermaknanya apabila sudah menjadi satu syarikat yang berjasa, yang berjaya, dia patut memandang ke belakang. Sebagaimana dia dahulu hendak naik, bagaimana syarikat-syarikat kecil ini patut dibantu dan ditolong supaya mereka itu juga berjaya. Bagaimana syarikat-syarikat dapat membantu dari segi sosial, memberi duit ke kampung-kampung untuk mendirikan jalan-jalan supaya bebanan kerajaan dapat dikurangkan. Sebab inilah tujuan kerajaan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat maju supaya mereka dapat pula membantu kerajaan dengan meringankan bebanan kerajaan dari segi kewangan untuk membantu orang-orang yang patut dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan perindustrian di negara kita telah mengundang kekurangan tenaga buruh. Untuk itu kita terpaksa mengimport buruh. Namun kita berharap ia perlulah pada tahap

minimum sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tadi, iaitu kita kurangkan buruh. Kita hendak pekerja mahir dan pertingkatkan lagi produktiviti dengan teknologi-teknologi moden ini. Sekarang ini, sungguh ramai buruh-buruh daripada luar negara yang datang bekerja di sini. Kalau tidak adanya buruh ini kemungkinan industri-industri pembuatan dan pembangunan tidak akan berjalan begitu pesatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menerima kemasukan buruh asing ini kita memastikan tahap kesihatan mereka adalah sempurna. Kita tidak mahu mereka ini membawa penyakit-penyakit berjangkit di negara kita ini. Masalah sosial yang membabitkan golongan pekerja asing juga timbul, dan ini menimbulkan keresahan kepada rakyat. Baik sekali kerajaan mengatakan dalam Dewan ini juga bahawa mereka yang datang ini diperiksa. Mereka adalah sihat, mereka tidak membawa penyakit-penyakit yang berjangkit. Tetapi yang menyusahkan saya ialah bagaimana dengan pekerja-pekerja yang masuk tanpa izin itu? Adakah mereka ini diperiksa? Adakah mereka ini dapat dikesan? Apabila mereka ini dapat dikesan, mereka ini adalah mengidap satu penyakit yang berjangkit. Perkara ini telah terlambat, sebab penyakit berjangkit ini telah menular kepada penduduk-penduduk di sekitar itu. Misalannya penduduk setinggan-setinggan yang dapat penyakit ini. Yang menyusahkan hati saya inilah dia. Baik, kerajaan kata, semuanya okay, dengan izin, semuanya sihat belaka. Tetapi yang tak sihat berapa banyak? Kerajaan tak dapat memberitahu saya yang tak sihat berapa, sebab mereka tak tahu. Kalau mereka tahu kesannya, memang boleh beri ubat. Kalau mereka tak tahu, memang tak tahu. Bagaimana kita hendak mengatasi mereka yang datang tanpa izin yang membawa penyakit-penyakit berjangkit seperti penyakit TB, Tuberculosis, dengan izin, batuk kering, penyakit kulit-kulit misalannya, penyakit HIV misalannya, penyakit-penyakit sosial misalannya, bagaimana kita hendak mengesan? Tak dapat, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan tak mengesan sebab mereka tak dapat dikesan lagi. Yang tidak dapat dikesan kemungkinan terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, kita mestilah berhati-hati dengan pekerja yang datang daripada luar negara kita. Saya harap pihak-pihak keselamatan khususnya polis dapat bertindak mempertingkatkan lagi tindakan mereka untuk mencari mereka yang datang tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit sektor pendidikan - sedikit sahaja. Sektor pendidikan telah pun diperuntukkan sebanyak RM10 bilion. Boleh kata saya rasa hampir separuh peruntukan ini, iaitu peruntukan terbesar perlu mampu mengeluarkan tenaga profesional yang literacy

computer. Contohnya, seperti jurutera, akauntan dan saintis - lawyer saya tak sebut, Tuan Yang di-Pertua, yang mencukupi bagi keperluan di masa hadapan. Pengambilan pelajar-pelajar di universiti perlu dipertingkatkan, di samping mengekalkan kualiti yang tinggi. Kita tidak hendak universiti-universiti dipenuhi oleh penuntut-penuntut disebabkan kita hendak ramai graduan, maka kemasukan mereka tidak dijaga. Oleh itu, mutu keluaran mereka nanti akan menjadi rendah. Kolej-kolej swasta perlu diawasi dari segi kualiti mereka juga agar setanding dengan kualiti di universiti-universiti di luar negara dan juga di universiti-universiti tempatan.

Di samping itu, langkah mengkorporatkan universiti-universiti tempatan di dalam jangka masa dekad ini diharapkan tidak akan membantutkan pengembangan ilmu dalam bidang-bidang yang tidak begitu tinggi tahap komersilnya. Contohnya, seperti bidang sastera dan juga botani, misalnya, sebab kita menumpu sangat kepada sains dan teknologi ini tadi, nanti kita lupa tahap kualiti pengajaran di universiti-universiti dari segi sastera, bahasa dan kajian botani, misalnya. Apa yang kita harapkan ia dapat dilaksanakan dalam keadaan yang seimbang dan keutamaan diberi kepada bidang-bidang yang diperlukan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini saya suka juga menyentuh berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang akan disediakan ke luar bandar. Saya cuba cari tadi dalam buku ini, tetapi saya tidak jumpa. Kalau ada pun disebabkan mata saya tertutup untuk memandangnya supaya saya dapat berucap lagi berkenaan dengan pembangunan luar bandar ini. Saya berasa sedih dalam keadaan sekarang ini bahawa keadaan luar bandar ini masih berkehendakkan banyak lagi duit untuk pembangunannya. Contohnya, di Pahang saya tahu, di kawasan saya dahulu saya tahu, banyak lagi jalan-jalan ke

kampung sudah pun dibuat tetapi jalan-jalan ini terbiar apabila rosak. Buat sekali diperbaiki dua, tiga tahun sekali. Musim hujan, musim tengkujuh, jalan rosak dan penduduk-penduduk dikampung hendakkan jalan ini diperbaiki, tetapi kadang-kadang duit di peringkat negeri amat berkurangan juga.

Jadi, oleh itu adakah kita menubuhkan satu tabung bahawa duit yang ada ini khas untuk membaiki jalan-jalan di kampung-kampung sahaja, tidak digunakan untuk lain-lain, sebab pernah duit yang diperuntukkan untuk jalan, dia buat dewan serbaguna - ada, ditukarkan, jadi jalan itu terbiar, tidak dibaiki. Baru-baru ini saya balik ke kampung, saya diberitahu oleh seorang penduduk bahawa jalan Yang Berhormat dahulu ke Lubok Hik tidak boleh digunakan lagi. Saya tanya, fasal apa? Fasal jalan itu tanah sudah runtuh dan tidak dibela, 'sudah berapa lama'? Sudah 6 bulan, Yang Berhormat. Tidak apa, saya boleh beritahu Yang Berhormat yang ada untuk membaiki jalan itu. Jadi, ini satu contoh - bukannya bermakna kerajaan tidak ada duit, kadang-kadang ada, tetapi terbiar, sebab tidak apalah jalan ini 4, 5 orang sahaja ke kampung ini, tidak ramai, boleh tunggu dahulu. Kalau duit itu ada, khas untuk ini - duit ada, kakitangan ada, jalankan. Dalam masa seminggu jalan itu patut siap.

Saya pernah mencadangkan dahulu dalam Dewan yang mulia Dewan Undangan Negeri Pahang, bahawa kita mesti mewujudkan satu mini JKR untuk menjaga jalan di kampung-kampung. JKR (Jabatan Kerja Raya) - Dato' Seri S. Samy Vellu tidak ada di sini hari ini, dia biasanya jaga lebuhraya, jalan daerah sahaja, tetapi jalan kampung JKR tidak jaga. Di Felda pun ada JKRnya. Yang

Berhormat dari Jengka boleh menyokong saya - memang ada, setuju. Di kampung tidak ada JKR, kalau rosak orang kampung lah yang kena bergotong royong, kalau tidak dapat pihak daerah mengendalikan dengan cepat.

Oleh itu saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, tidak payahlah di Dewan Undangan Negeri, bahawa kita mewujudkan satu JKR kecil untuk menjaga jalan-jalan di kampung termasuk di Kedah, di Perlis, di Johor - tetapi di Johor kurang sedikit kerana pembangunan jalan kampung sudah tidak ada, kebanyakannya jalannya sudah macam jalan raya, di Selangor - tidak payahlah, di Sarawak - kemungkinan banyak lagi sungai di sana, tidak dapat hendak ubahlah dengan jalan raya. Jadi, macam di kampung-kampung di sebelah Pahang ini berkehendakkan satu JKR mini untuk mengendalikan jalan-jalannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan kemudahan-kemudahan lain, sepertimana yang saya persoalkan dalam soalan saya di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan telefon. Banyak lagi kampung-kampung yang tidak mendapat telefon. Tolonglah pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyiasat berapa banyak lagi sebenarnya berkehendakkan telefon di kampung-kampung yang sepatutnya ada.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, minta maaf lah, jalan-jalan di daerah-daerah sekarang ini kita hanya menumpukan jalan lebuhraya sahaja, jalan daerah-daerah sekarang ini telah pun tidak mendapat peruntukan yang sewajarnya untuk memperbaiki jalan-jalan di daerah-daerah. Maknanya, jalan

daripada Bentong ke Kuala Lipis, misalnya - itu jalan daerah dan bukan lebuh raya, jadi, jalan-jalan ini .....

**Tuan Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Tuan Rahim minta laluan. Silakan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Dato' Zuki dahulu Ahli Dewan Undangan Negeri di Benta, Pahang, sekarang ini telah pun tinggal di kota raya Kuala Lumpur. Tadi Yang Berhormat menyebut soal jalan-jalan. Adakah Yang Berhormat sedar dan dapat rasakan perbezaan antara jalan-jalan di Kuala Lumpur dengan jalan-jalan di kawasan pedalaman di Pahang, contohnya. Di Kuala Lumpur ini setengah ataupun kebanyakan jalan-jalannya belum rosak lagi sudah diturap. Tetapi di Pahang, seperti kata Yang Berhormat itu, memang betul, saya pun baharu balik dari Pahang minggu sudah, saya tengok walaupun sudah berlopak-lopak, tetapi tidak diturap oleh pihak yang berkenaan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang bezanya ketara, memang sungguh ada beza. Macam di Pahang, kalau saya pergi ke hotel di Pahang misalannya, tidaklah seseronok apabila saya pergi ke Hotel Dynasty, di Kuala Lumpur *[Ketawa]*. Jadi, ini perbezaannya - perbezaan hotel, perbezaan jalan, hanya bezanya tidak begitu ketara sebab apabila Yang Berhormat pergi ke Pahang dia naik BMW, dia naik Jaguar, dia naik Mercedes. Jadi, kalau lubang itu besar pun, dia tidak terasa, tetapi kalau

orang kampung pakai kereta yang sudah secondhand seperti Nissan Sunny, Kancil, misalannya.....

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ada lagi?

**Tuan Ding Seling:** Ada lagi.

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan jalan, saya dari Ipoh telah pun ada 19 kampung tersusun di kawasan Ipoh, tetapi tidak ada kemudahan infrastruktur dan jalan-jalan. Ini sahaja.

**Tuan Ding Seling:** Soalan atau apa? *[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** Untuk makluman sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya Yang Berhormat berdiri untuk minta penjelasan, untuk minta keterangan lanjut, tetapi tidaklah memberi satu kenyataan sahaja. Kalau Yang Berhormat hendak penjelasan, saya boleh beri. Kalau Yang Berhormat hendak keterangan lanjut, saya boleh beri, tetapi kalau buat kenyataan ini, saya tidak boleh buat apa-apalah.

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Ding Seling:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Dia hendak minta penjelasan mengenai apa, Tuan Yang di-Pertua? Saya berilah sekali lagi.

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** Saya minta penjelasan bukan sahaja di negeri Pahang tetapi di seluruh negara. Contohnya, negeri Perak telah

pun ada kampung tersusun, tetapi tidak dapat kemudahan infrastruktur seperti jalan. Ini untuk makluman atau penjelasanlah. *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Nampaknya ini adalah satu maklumat sahaja. Silakan Dato'.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahulah, sebab saya tak pergi, kalau Yang Berhormat itu ajak saya pergi bersama-sama boleh kita memberi cadangan di Dewan yang mulia ini, sebab dia pergi seorang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perbincangan berkenaan jalan raya di daerah-daerah ini tadi iaitu masih lagi jalan-jalan daerah, kadang-kadang peruntukan ada tetapi peruntukan itu tidak diguna secepatnya, kadang-kadang peruntukan itu dialihkan ke tempat lain dan jalan itu masih lagi di tahap yang sama.

Jalan-jalan daerah ini berkehendakkan sangat pembetulan secepat mungkin supaya perjalanan orang-orang kampung, orang-orang di luar bandar daripada daerah ke daerah dapat dituju dan sampai dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan lebuhraya yang selalu kita dapati kemalangan berlaku disebabkan kereta-kereta tidak mengikut arahan-arahan jalan raya dan syarat-syarat yang ditentukan di jalan raya. Saya pernah bercakap seperti jalan raya dari Pulau Pinang ke Kuala

Lumpur banyak berlaku kemalangan dan kemalangan ini berlaku disebabkan kecuaiannya sendiri dan bukanlah disebabkan sangat oleh jalan raya itu sendiri.

Saya rasa masalah yang timbul adalah masalah penjagaan jalan-jalan raya ini iaitu kita patut pertingkatkan rondaan kita banyakkannya lagi pihak polis trafik untuk menjaga kelicinan jalan-jalan raya ini. Kita tahu, kita sebagai manusia memang takut kepada undang-undang dan undang-undang itu apabila dilaksanakan oleh pihak-pihak yang boleh melaksanakan kita akan menjadi takut kepada undang-undang. Undang-undang jikalau tidak dilaksanakan dan tidak dihukumkan mengikut undang-undang manusia tidak akan takut dan patuh kepada undang-undang. Oleh itu, di jalan-jalan raya ini saya harap kita perbanyakkan lagi rondaan, kita perbanyakkan lagi pihak-pihak trafik polis untuk menjaga kelajuan kereta-kereta yang menggunakan jalan-jalan raya ini.

Berkenaan di Kuala Lumpur pula, kita dapati masalah yang selalu timbul adalah masalah kemalangan yang dibuatkan oleh kereta-kereta besar dan juga motosikal-motosikal. Misalannya, di Kuala Lumpur ini terlalu banyak mini bas yang saya lihat, dan mini bas ini amatlah kecil dan amatlah tua setengahnya. Saya berharap bahawa mini-mini bas ini akan dapat diganti seperti yang telah pun diganti oleh bas-bas Intra Kota misalannya, yang nampaknya sangat bersih dan besar serta akan mengurangkan kesesakan lalulintas di bandar raya kita ini.

Masalah sekarang ini, kita dapati terlalu banyak kereta yang menggunakan jalan-jalan di kota kita ini, ini adalah disebabkan bahawa sistem

pengangkutan kita di kota-kota ini tidak memuaskan lagi sepertimana saya katakan kita ada bas mini yang kecil-kecil, yang buruk dan kadang-kadang bas-bas ini datang tidak menentu. Mengapakah pihak kerajaan tidak membuat satu sistem bahawa bas-bas ini mesti sampai ke perhentian-perhentian bas itu pada masa yang ditentukan?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Mustaffa, adakah hendak bertanya Dato' Zuki berirama bercakap?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Penjelasan daripada Yang Berhormat, bahawa bas mini yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi dipandu oleh pemandu yang saya agakkan berbudaya samseng, fasal kita lihat ada setengahnya pakaiannya tidak begitu melambangkan sebagai seorang pemandu dan juga kadangkala kita lihat kepalanya itu ditutup dengan sapu tangan seolah-olah berbentuk sebagai seorang 'pirate', dengan izin, iaitu lanun. Jadi, saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu kemungkinan ada pemandu-pemandu yang dibawa ke mahkamah, yang memandu dengan tidak teratur dan memotong mengikut kehendak sendiri sahaja. Manakala pengusaha-pengusaha bas disebabkan mereka ini kurang pemandu, jadi pemandu itu diambil dengan tidak ditemuduga dengan memuaskan.

Jadi, inilah antara satu sebab yang saya sebutkan tadi yang berlaku di kota kita ini bahawa bas-bas mini ini tidak ada sistem langsung. Kadang-kadang kita hendak tunggu bas sampai sejam pun ada, mengapakah tak boleh pihak-pihak syarikat bas mengeluarkan duitnya sendiri menggunakan satu schedule, satu time table, dengan izin, bahawa kalau kita misalannya hendak pergi ke Setapak, bas nombor berapa kita mesti naiki, jalan ini bas apa yang melalui jalan ini, nombor bas 55 misalannya, pergi ke Pantai Dalam. Jadi, di tempat perhentian bas itu sepertimana yang dapat kita lihat, minta maaf saya cakaplah, didapati di kota London, kita baru sehari masuk ke kota London, kalau kita tak tahu, kita hanya lihat sahaja tanda schedule bas itu kita akan tahu bas nombor 7 pergi ke Brixton, ia ikut jalan itu dan pukul berapa dia sampai, ia sampai pada pukul 7.30. Tepat pada pukul 7.30 bas itu sudah datang, selepas itu pada pukul 7.35, lima minit kemudian ada lagi satu bas datang. Jadi, kita tahu ke mana arah yang kita hendak tuju. Tetapi, di Kuala Lumpur ini saya tak tahu, saya tak berani hendak naik bas, sebab saya tahu kalau naik bas itu bolehlah keliling kota sahaja. Tetapi tak ada satu time table dan schedule yang ditetapkan, mengapakah perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada orang kata kalau balik ke London itu macam balik kampung. Jadi, kalau Dato' Zuki balik ke London itu rasa macam balik kampung atau tidak? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu macam balik kampunglah, sekarang ini tidaklah. Apabila saya balik ke Kuala Lumpur ini macam kampung saya sendiri dah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tetapi perbezaan hendak mengambil bas ini saya nampak. Jadi, kalau sistem pengangkutan bas kita di Kuala Lumpur ini - Kementerian Pengangkutan tak ada di sini, tak apalah, barangkali dia dengar, kalau ada itu lagi seronok, saya boleh terus minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, kalau sistem pengangkutan kita di Kuala Lumpur ini, bas-bas ini diperbaiki sistemnya dalam tempoh sebulan akan berkurangan orang membawa kereta-keretanya sendiri, mereka suka naik bas lagi pergi ke pejabat, lagi senang! Bayar parking pun tak kena, kita tak boleh risau memikirkan BMW kita akan kena calar misalannya, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. *[Ketawa]* Kalau tidak kita, hai, entah macam manalah ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenapa bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, fasal dia ada BMWkah atau apa?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tak! Sungguhpun saya tak tahu apa kereta yang dia ada, tetapi saya menganggapkan dia ada kereta BMW. *[Ketawa]* Jadi, ramailah orang akan menggunakan bas, public transport, dengan izin. Kalau tidak, macam inilah sesak lalulintas. Mengapa kita tidak kajikan?

Dalam ucapan kita ini sungguhpun masa telah berlangsung, saya teringin hendak berucap berkenaan dengan 'kota impian' di Kuala Lumpur ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada masa lagi untuk hendak berucap selepas ini bukannya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi dalam rancangan lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan lori-lori yang saya tak dapat hendak membuat soalan tambahan tadi. Jadi, saya hendak bawalah perkara tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, iaitu berkenaan dengan bila ada tempat perhentian timbang JPJ ini. Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa sekarang ini terdapat banyak di jalan-jalan raya, di jalan-jalan sebelum sampai ke bandar utama kita ada dua atau tiga tempat untuk hendak menimbang lori-lori berat ini, berapa berat dia, adakah dia menyalahi muatan dan beratnya?

Tadi, kita telah diberitahu oleh pihak kerajaan bahawa tidak ada cara untuk hendak menyaman lori-lori yang berhenti sebelum sampai ke tempat timbang lori ini.

Sebabnya tidak boleh, apabila lori berhenti, JPJ ataupun polis tidak boleh saman kerana ia tidak berjalan, ia tidak membawa muatan lebih dalam perjalanan itu. Dia boleh berhenti di tepi jalan, oleh itu selamatlah lori berkenaan. Oleh sebab itu, banyak lori-lori apabila ada JPJ atau pihak polis yang akan memeriksa di satu-satu tempat dia akan berhenti.

Saya cadangkan iaitu sebatu sebelum tempat menimbang ini tidak boleh lori-lori berhenti tulis 'No parking', jangan benarkan - tidak ada parking. Ini

bermakna akan berkuranganlah lori-lori yang berhenti di tepi jalan menunggu JPJ ini, kalau masa dia tidak bertugas lagi maka lori ini dapat jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja, berkenaan dengan ‘kota impian’ itu, biarlah lain kali saya berucap pula.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua berdoa agar Rancangan Malaysia Ketujuh akan berjaya mencapai sasarannya dan menjadi penyambung kepada kejayaan Rancangan Malaysia Keenam, insya-Allah.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, siapa lagi, Yang Berhormat Datuk Maidom hendak bercakap nampaknya begitu-begitu [*sambil menganggukkan kepala*].

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, belum! Besok ya!

**Tuan Rahim bin Baba:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**Tuan Rahim bin Baba:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar hendak cakapkah?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Besok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! besok, jadi Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba hendak cakap sekarang, sila.

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Kalau tidak ada orang hendak bercakap pada petang ini apa akan jadi kepada.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Senang sahaja saya akan tamatkanlah. *[Ketawa]* Tetapi sekarang Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sudah bangun, itu maknanya dia hendak bercakaplah, mungkin dia hendak perbetulkan bahawa dia tidak ada BMW, tetapi ada motokar yang lebih baik daripada BMW agaknya. Silakan.

**6.14 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun mengikut rancangan saya, saya hanya ingin berucap sama ada besok ataupun lusa dan saya belum lagi membuat persiapan-persiapan yang terperinci. Walau bagaimanapun, bagi memastikan untuk memberi peluang kepada rakan lain, untuk membuat persiapan, untuk berucap pada esok ataupun lusa, saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan dan memberikan pandangan saya kepada Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu bagi tempoh tahun 1996-2000.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan satu dokumen yang sungguh bermakna kepada negara di mana ianya akan merencanakan rancangan pembangunan untuk lima tahun yang akan datang.

Saya telah pun menjadi ahli Dewan sejak tahun 1991 dan saya tidak berkesempatan untuk berucap dan juga membahaskan dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu bagi tahun 1990-1995 dan saya percaya inilah peluang

terakhir bagi saya untuk memberikan pandangan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh kerana pada tahun hadapan saya tidak ada lagi di dalam Dewan yang mulia ini.

Juga semasa Rancangan Malaysia Kelapan dilancarkan mungkin ramai daripada kita di Dewan ini tidak ada lagi di dalam Dewan ini dan saya berharap kepada rakan-rakan yang lain akan turut sama mengambil bahagian untuk memberikan pandangan kepada Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut buku yang telah pun diedarkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, seperti juga dalam Rancangan Malaysia Keenam, konsep yang ditonjolkan ataupun yang diutarakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah konsep pembangunan yang seimbang. Sepertimana yang telah pun dikenalkan pada tahun 1991 dahulu, iaitu konsep pembangunan yang seimbang di mana hasil pertumbuhan ekonomi negara ini akan diagih secara yang saksama. Telah banyak kita perkatikan mengenai kepincangan dari segi pengagihan di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Negara telah pun menghadapi satu tragedi yang sungguh pahit, tragedi hitam pada tahun 1969 dahulu.

Kalau kita mengimbas kembali apa yang telah pun berlaku pada tahun 1969, ianya adalah disebabkan ketidakseimbangan pembangunan di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang bukan Melayu pada ketika itu. Oleh kerana berlaku ketidakseimbangan ini, telah pun timbul satu kegelisahan pemikiran orang-orang Melayu bahawa seolah-olah orang-orang Melayu telah

pun terpinggir dan juga kepentingan orang Melayu telah pun terhakis daripada negara ini, sebab itulah berlakunya peristiwa 1969 dahulu. Selepas itu kerajaan Mageran telah pun ditubuhkan dan kerajaan telah pun menggubal satu dasar yang diberi nama Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dua puluh tahun Dasar Ekonomi Baru telah pun dilancarkan, telah pun diberikan target supaya memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada kekayaan negara ini hendaklah dimiliki oleh orang Melayu dan juga bumiputera. Ini adalah target yang telah pun ditentukan. Dalam pada masa itu banyaklah badan yang telah pun ditubuhkan untuk membantu, untuk menolong dan juga untuk memberi bimbingan kepada orang Melayu. MARA ditubuhkan, UDA ditubuhkan, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ditubuhkan, yayasan-yayasan ditubuhkan semata-mata dengan hasrat dan juga harapan untuk meningkatkan pegangan orang Melayu pada masa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan.

Sekarang kita telah pun berada di peringkat selepas Dasar Ekonomi Baru, iaitu selepas tahun 1990 dan kalau kita mengimbas kembali pencapaian kita walaupun kita tidak mencapainya 100%, sekurang-kurangnya dengan adanya Dasar Ekonomi Baru ianya telah pun memberi satu keyakinan kepada orang-orang Melayu, kepada orang-orang bukan Melayu bahawa satu persimbangan atau satu pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan juga satu pengagihan kekayaan negara akan diagihkan sesama rata di antara orang Melayu dan juga bukan Melayu. Walaupun banyak tohmahan, walaupun kita

menghadapi banyak masalah, tetapi kita dapat mengatasi dan pada hari ini kita bersyukur sebenarnya dengan adanya Dasar Ekonomi Baru inilah negara kita dapat mencapai ke tahap seperti yang ada pada hari ini. Kalau kita teruskan dengan dasar yang sebelum adanya Dasar Ekonomi Baru, kemungkinannya negara kita pada hari ini telah pun menjadi ‘padang jarak, padang terkukur’

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana dalam soal pembangunan yang seimbang ini ada kalanya biarlah kita lewat sedikit membangunkan negara kita, usahlah kita hendak berbangga dengan pembangunan yang kadar pertumbuhannya 8%, 9% ataupun melebihi dua angka pembangunan negara, tetapi pembahagiannya tidak sama rata, tidak saksama. Biarlah pembangunan negara kita perlahan sedikit, biarlah pembangunan negara kita hanya 4% atau 5% setahun asalkan rakyat kita dapat hidup dengan aman dan juga damai. Tidak guna kita mempunyai pembangunan yang membanggakan, tetapi dari segi pengagihannya ianya tidak memberikan ketenteraman kepada negara sepertimana yang telah pun berlaku pada tahun 1969 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kembali keadaan semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan hingga ke hari ini, khasnya dari segi penyertaan orang-orang Melayu dan juga pencapaian orang Melayu. Tadi Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki sebut fasal sekolah-sekolah akan diberikan literacy komputer. Baru-baru ini saya terbaca di akhbar bahawa masih terdapat lagi 1,200 buah sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak ada bekalan elektrik. 1,200 buah sekolah, setelah 39 tahun kita merdeka, dan juga telah kita membanggakan dengan kejayaan-kejayaan dan juga dengan peruntukan lebih RM10 bilion dari segi Kementerian Pendidikan, pada hari ini kita masih lagi begini. Ini bukannya fakta ataupun figure yang saya reka-reka, tetapi ini kenyataannya, masih terdapat

lagi 1,200 buah sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang masih belum mempunyai bekalan elektrik. Pada hal, sesetengah sekolah di kawasan bandar bukan sahaja sudah ada bekalan elektrik, bukannya ada segala kemudahan, sesetengah sekolah khasnya sekolah-sekolah jenis kebangsaan orang Cina, yang sekolahnya sudah 'fully air-cond', sudah siap dengan air-condition, di mana pelajar-pelajar boleh belajar dengan lebih selesa. Pada masa yang sama keadaan di luar bandar 1,200 buah sekolah belum ada bekalan elektrik lagi. Ini satu kepincangan dari segi pendidikan.

Saya sebutkan ini kerana itulah sebabnya, jangan kita tangiskan tentang pencapaian orang Melayu dari segi pendidikan di kawasan-kawasan luar bandar. Tiap-tiap kali bila keputusan periksa, saya menelitinya. Hari itu pun saya sudah cakap dalam Dewan ini. Dari 16 orang yang dapat 9A1, 5 pelajar Melayu. Itu pun di sekolah yang berasrama penuh. Yang lainnya semua pelajar bukan Melayu. Darpada 42 orang yang dapat 5A untuk peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran, hanya 2 pelajar Melayu. Itu pun yang bersekolah di sekolah asrama penuh, yang mendapat kemudahan-kemudahan yang terperinci, yang selengkapnya.

Jadi, dari segi ini, saya sungguh-sungguh berharap supaya kepincangan dari segi kemudahan-kemudahan, dari segi kawasan bandar dan kawasan luar bandar ini dapat dilihat. Tadi Dato' Haji Mohd. Zuki sebut mengenai jalan-jalan raya, jalan-jalan di kawasan luar bandar. Saya tahu kerana saya berasal dari orang luar bandar. Saya dapat tengok macam mana keadaan berlubang-lubang jalan di luar bandar, kedudukan jalan luar bandar. Tetapi kalau jalan dalam bandar, di Kuala Lumpur, di kawasan Lembah Kelang, belum rosak pun lagi sudah taruh tar. Ada schedulanya, tiap-tiap tiga tahun sekali mesti ditaruhkan tar, mesti di"tarmac" cara yang baru. Tetapi kawasan-kawasan di luar bandar, jalan sudah berlubang-lubang pun, sudah pecah kena banjir, kena apa pun, puaslah Wakil Rakyat hendak minta peruntukan, kadang-kadang bukan banyak, RM5,000, RM10,000 pun tak juga dapat peruntukan.

Saya berharap kepada rakan-rakan saya daripada pegawai-pegawai kerajaan supaya dapat menumpukan biar lebih banyak mana pun tak mengapa. Berilah kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan luar bandar. Kita tahu akar-umbi orang Melayu, akar-umbi perpaduan negara kita, masa depan negara kita ini bergantung kepada keseimbangan antara kawasan luar bandar, orang Melayu dengan orang bukan Melayu di kawasan bandar. Tidak guna kita mempunyai cara agregatnya, kita mempunyai pencapaian ekonomi yang baik, tetapi pada masa yang sama kita dapat melihat jurang perbezaan yang terlampau ketara.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta laluan, sila Tuan Kasim.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah Tuan Rahim sedar bahawa di antara punca jalan-jalan di luar bandar ketinggalan begitu rupa, kerana kelemahan jentera kerajaan sendiri. Kalau kita tinjau laporan yang dikemukakan terlalu banyak wang yang diperuntukkan ke negeri-negeri tidak dibelanjakan. Saya buat perkiraan hampir RM4 bilion wang yang telah diserahkan oleh Kerajaan Federal kepada kerajaan negeri selama lima tahun ini tidak dapat dibelanjakan oleh kerajaan negeri. Jadi, apakah punca yang sebenarnya menyebabkan pembangunan di luar bandar tidak dapat dilaksanakan dengan betul?

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Kasim telah pun bertanya minta penjelasan daripada saya. Saya tahu beliau sendiri pun tahu perkara itu, sengaja dia hendak pada saya. *[Ketawa]* Memang pun itulah sebabnya RM4 bilion sepertimana yang telah pun dikatakan tadi tidak dibelanjakan. Mengapa keadaan-keadaan ini berlaku? Mengapa masih lagi berlaku kelemahan dalam jentera kerajaan? Apakah RM800,000 pegawai-pegawai kerajaan yang kita ada tidak mencukupi? Apakah ada masalah-masalah yang tertentu? Apakah sebegitu susah sekali 'red tape' yang ada di kawasan-kawasan luar bandar, umpamanya untuk meluluskan sesuatu projek dan sebagainya. Kadang-kadang kita tengok pun sakit hati juga, projek yang bilion-bilion ringgit itu dengan mudah sahaja boleh diluluskan. Tetapi projek RM10,000, RM20,000 saya tengok prosedur dia cukuplah susah hendak dapatkan kelulusan. Mesti dapat signature ini, sign itu, akhirnya jalan yang sudah baik itu estimatanya RM 10,000, hendak menunggukan kelulusan untuk mendapatkan, jalan itu sudah jadi lagi teruk, sudah jadi RM20,000 ataupun RM30,000 untuk menyelesaikannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul Tuan Rahim. Tuan Haji Abu Bakar minta laluan, sila.

**Tuan Rahim bin Baba:** Cepat sedikit.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Rahim Baba bersetuju dengan saya sekiranya kerajaan memberi kuasa kepada BPR untuk memastikan pelaksanaan peruntukan untuk pembangunan luar bandar ini disegerakan, dijalankan dengan licinnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. BPR hendak siasat kenapa duit itu tidak dibelanja. *[Ketawa]*

**Tuan Rahim bin Baba:** Tak payahlah panggil BPR. Perkara itu kecil sangat. Bukannya masalah ada penyelewengan. Saya tak fikir ada penyelewengan. Kalau hendak menyeleweng pun, takkanlah peruntukan RM10,000, RM20,000. Tetapi yang saya pastikan ialah red tape, birokrasi jabatan-jabatan yang berkenaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi sekali.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya nampak kurang bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Kalau kita mementingkan pelaksanaan rancangan di luar bandar dan kita mengatakan red tape itu salah daripada puncanya, maka sudah tentu Yang Berhormat juga menyebut projek bilion ringgit senang dijalankan dan diluluskan, sedangkan projek RM5,000, RM10,000 susah. Ini bermaknanya sudah tentu ada kepentingan yang bercanggah dengan dasar pembangunan. Sebab itulah saya cadangan supaya BPR memainkan peranan di situ.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lagi satu, Tuan Tuan Yim lagi bagus. Sila.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan. Pada hemat saya BPR cuma menyasat tentang rasuah tak kena-mengena dengan pembangunan atau dibelanjakan. Itu sahajalah.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberikan mandat kepada Tuan Yim untuk menjawab bagi pihak saya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tadi Tuan Yim hendak minta laluan lagi sekali.

**Tuan Rahim bin Baba:** Saya pun ingat macam itu juga. Kalau dia hendak jawab bagi pihak saya, saya tak benarkan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan, masing-masing ada peranan yang tertentu, baik BPR, baik jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya mempunyai peranan-peranan yang tertentu. Jadi, dalam soal ini, menjawab pertanyaan Tuan Haji Abu Bakar tadi - Dato'kah, maaf. Insya-Allah kalau sudah keluar daripada mulut saya itu, yang akan datang dapatlah. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu satu penjelasan daripada Tuan Yim.

**Tuan Rahim bin Baba:** Masing-masing ada peranan dan juga ada tugas. Tetapi pada saya kelewatan ini pada pandangan saya, mungkin Tuan Haji Abu Bakar tidak bersetuju, bukan kerana adanya masalah-masalah rasuah ataupun sebagainya. Tetapi kalau ada di tempat Tuan Haji Abu Bakar ada yang rasuah, itu soal lainlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Rahim, nampaknya kita sudah sampai waktu. Saya minta sambung pada hari esok. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*